



Hujung Minggu

پروڈنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 135

9 NOVEMBER 2024 / 1446 7 جمادی الاول

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

MANISNYA IMAN مانیسٹ ایمان  
"SESUNGGUHNYA Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerima) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhan-Nya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa, ayat 56.

## KEBAWAH DYMM AKAN MENGADAKAN KEBERANGKATAN NEGARA KE REPUBLIK PERU



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat bersama Presiden Republik Peru, Tuan Yang Terutama Pedro Pablo Kuczynski dan Ketua-ketua Ekonomi bagi sesi bergambar ramai pada 20 November 2016.

Siaran Akhbar :  
Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Peru yang dijangka pada 12 hingga 13 November 2024 dan keberangkatan

berkenaan adalah buat julung kalinya baginda mengadakan Keberangkatan Negara ke republik berkenaan.

>> Muka 2



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN  
  
f Pelita Brunei i pelitabrunei X pelitabrunei

## Berita Utama



TERUS komited menyediakan penjagaan berkualiti tinggi  
Muka 6



KONGSI amalan, strategi terbaik memperkuuh institusi keluarga  
Muka 8

## Berkenan hantar titah perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihanoni, Raja Kemboja dan Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihanoni, Raja Kemboja dan

Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet; kerajaan dan rakyat Kemboja bersempena dengan Hari Kemerdekaan yang Ke-71 negara tersebut.



KUKUHKAN hubungan dua hala dalam bidang kehakiman syariah  
Muka 13



**Belia Berwawasan**  
LUASKAN pengalaman dengan larian  
Muka 30

# PERUTUSAN TAHNIAH ATAS KEMENANGAN PILIHAN RAYA PRESIDEN

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 7 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada President-Elect, Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump, berikutan dengan kemenangannya dalam pilihan raya presiden baru-baru ini.

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada President-Elect, Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump.



## Kebawah DYMM akan mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Peru

### >> Muka 1



Semasa di Lima, Republik Peru nanti, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antara lainnya akan mengadakan perjumpaan bersama Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Dina Ercilia Boluarte Zegarra bagi

mengesahkan kembali hubungan dua hala dan seterusnya menitikberatkan lagi kerjasama dalam bidang yang saling menguntungkan kepada kedua-dua buah negara. Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Peru menjalinkan hubungan diplomatik sejak 1 Jun 1990.

Selepas Keberangkatan Negara berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan berangkat menghadiri Asia-Pacific

Economic Leaders' Meeting (AELM) Ke-31 pada 15 hingga 16 November 2024 di Lima dan Republik Peru selaku hos Ekonomi, di bawah kepimpinan Puan Yang Terutama Presiden Republik Peru.

Dengan bertemakan 'Empower. Include. Grow,' APEC 2024 bertujuan untuk memupuk kerjasama ekonomi dan teknikal yang lebih besar dalam kalangan Ahli-ahli Ekonomi APEC. Bidang-bidang keutamaan bagi

mesyuarat kali ini termasuk menggalakkan pertumbuhan inklusif dan saling berkaitan melalui perdagangan dan pelaburan, memajukan inovasi dan pendigitalan bagi menggalakkan peralihan kepada ekonomi formal dan global serta memastikan pertumbuhan mampan untuk pembangunan berdaya tahan. Republik Peru sebelum ini pernah mempengerusikan APEC pada 2008 dan 2016.

WAKTU SEMBAHYANG											
NOVEMBER	MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	SABTU	7	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13	
10	AHAD	8	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14	
11	ISNIN	9	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.27	6.02	7.14	
12	SELASA	10	4.37	4.47	6.07	6.31	12.05	3.27	6.02	7.14	
13	RABU	11	4.37	4.47	6.07	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14	
14	KHAMIS	12	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14	
15	JUMAAT	13	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
33 °C	33 °C	33 °C
Pekan Bangar		
33 °C	33 °C	33 °C
Pekan Tutong		
33 °C	33 °C	33 °C
Kuala Belait		
33 °C	33 °C	33 °C
WallahuAlam Bissawab	<a href="http://www.mef.gov.bn">www.mef.gov.bn</a>	
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

## SIDANG PENGARANG 9 NOVEMBER 2024

### Merokok membahayakan kesihatan

**A**NTARA nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita ialah kesihatan. Maka sebagai hamba-Nya yang beriman, kita hendaklah Amensyukuri nikmat tersebut dengan menjaga dan memelihara kesihatan dengan sebaik-baiknya.

Adapun antara amalan buruk yang boleh memudaratkan kesihatan tubuh badan dan nyawa itu ialah merokok. Perkara tersebut antara yang ditekankan dalam Khutbah Jumaat pada minggu ini. Bahaya dan mudarat yang disebabkan oleh rokok telah diperakui oleh perkara-perkara kesihatan. Oleh sebab itu, pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak yang berkenaan bagi menghindari manusia daripada mendapat mudarat yang disebabkan oleh rokok dan merokok.

Tabiat merokok atau menggunakan produk tembakau ini bukan sahaja memudaratkan kesihatan dengan menyumbang kepada 16 peratus kematian Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCDs) malah ia juga memudaratkan persekitaran.

Sebagaimana yang diterangkan oleh pakar-pakar kesihatan bahawa merokok boleh menyebabkan pelbagai penyakit berbahaya seperti kanser mulut, strok, penyakit jantung, mengeraskan arteri kanser paru-paru, kanser hati, kanser serviks, impotensi dan Gangrene.

Kesan rokok kepada orang lain (perokok pasif) juga boleh membawa padah seperti janin yang di dalam kandungan, kanak-kanak, remaja dan orang dewasa yang tidak merokok tetapi terdedah pada asap rokok orang yang merokok. Perokok pasif mempunyai risiko menghidap pelbagai penyakit jika dibandingkan dengan orang yang tidak merokok dan tidak terdedah kepada asap rokok pasif.

Beberapa tip untuk berhenti merokok, iaitu dengan singkatan D.E.A.D. Delay atau Tangguhkan sehingga rasa ingin merokok berlalu (selalunya selepas lima minit) dengan tarik nafas dalam-dalam, tahan selama lima saat dan lepaskan perlahan-lahan.

Escape atau Larikan Diri : Lakukan aktiviti di tempat-tempat yang dilarang merokok. Avoid atau Hindari : Hindarkan daripada berlepak bersama perokok / sumber rokok awda.

Distract atau Alihkan Perhatian : Sibukkan diri dengan melakukan aktiviti yang boleh melupakan awda tentang keinginan untuk merokok.

Di negara kita, terdapat perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok bagi mereka yang berkeinginan untuk berhenti merokok dengan mengikuti Program Kaunseling Berhenti Merokok selama enam bulan dan jika diperlukan, farmakoterapi (ubat) juga disediakan secara percuma.

Marilah kita sama-sama mengambil langkah yang wajar dalam membanteras daripada meluasnya gejala merokok kerana merokok itu bukan sahaja membahayakan diri sendiri bahkan orang di sekeliling kita. – Ketua Penyuntingan (Ad)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابن قراغن، جابن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyaksikan perlawanan. Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia.

JERUDONG, Jumaat, 8 November. - DPMM FC menang bergaya selepas menewaskan Lun Bawang FC dengan keputusan 12 - 1 pada saingan Liga Super Brunei 2024 yang berlangsung di Stadium Mini Jerudong Park, di sini, malam tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.



SEBAHAGIAN penyokong yang hadir memberikan sokongan.

## DPMM FC BERPESTA GOL

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Pengurus Am DPMM FC, Awang Mohamad Ali bin Haji Momin.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Turut berangkat menyertai DPMM FC ialah anakanda DYTM, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan.

Pada babak pertama perlawanan, DPMM FC mengatur dan mengawal permainan dengan bijak yang mana Luis Matias Hernandez telah membuka jaringan seawal minit ke-6, diikuti dengan gol kedua jaringan Sergio Mendiguchia Iglesias selang enam minit kemudian.

Pada minit ke-19, Mohd. Adrian Zikry Mohd. Norkhairi menembusi gawang Lun Bawang FC diikuti dengan jaringan gol oleh Baktyiar Duishebekov pada minit ke-28 dan seterusnya Muhammad Razimie Ramli pada minit ke-30.

Lun Bawang FC terus cuba untuk menyerang dan akhirnya berjaya mengubah kedudukan pada minit ke-38 melalui sepaikan Abdul Halim Haji Jainih/Zaini.

Walau bagaimanapun, kegembiraan Lun Bawang FC hanya bertahan sementara setelah diserang bertubi-tubi oleh DPMM FC sehingga menambah gol seterusnya hasil sepaikan Sergio Mendiguchia Iglesias pada minit ke-43, ke-45 dan pada masa tambahan pada separuh masa pertama.

Babak kedua perlawanan pula

menyaksikan Sergio Mendiguchia Iglesias sekali lagi membolosi gawang pasukan lawan dengan bergaya menerusi sepaikan percuma pada minit ke-71 sekali gus menjadikan dirinya sebagai penjaring gol terbanyak pada malam ini dengan lima gol.

Pada minit ke-79, Marcelo Junior De Souza Loiola turut menjaringkan gol bagi DPMM FC diikuti dengan Mohamad Azrin Danial Haji Mohamad Yusra pada minit ke-86 dan gol penutup sekali lagi disudahi oleh Luis Matias Hernandez pada minit ke-89.

Keputusan perlawanan berakhir 12 - 1 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Sementara itu, perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas telah menyaksikan kemenangan berpihak kepada MS PPDB setelah menewaskan MS ABDB 4 - 2.



TURUT berangkat menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan (atas), manakala gambar bawah, antara aksi pada perlawanan di antara DPMM FC menentang Lun Bawang FC.



## Kebawah DYMM berkenan mengurniakan nama cucunda baginda

Foto : Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 November. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini memaklumkan bahwasanya :

Kebawah Duli Yang Maha

YANG Amat Mulia Pengiran Anak Daniya Rahmatul Bolkiah ( دانیا رحمۃ اللہ علیہ ) binti Pengiran Suami Abdullah Al-Hashimi.

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan amat sukacitanya telah mengurniakan nama kepada cucunda baginda iaitu anakanda kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Suami Abdulla Nabil Mahmoud Al-Hashimi dengan nama :

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Daniya Rahmatul Bolkiah ( دانیا رحمۃ اللہ علیہ ) binti Pengiran Suami Abdulla Al-Hashimi.

Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda seterusnya dengan sukacita mengurniakan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat semasa meluaran tersebut dan juga kepada semua yang menyembahkan perutusan tahniah dan ucapan selamat berikutan dengan meluaran cucunda baginda itu pada Rabu, 28 Rabiulawal 1446 bersamaan 2 Oktober 2024, di Portland Hospital, London, United Kingdom, jam 9.55 pagi waktu tempatan.

# YTM BERANGKAT ADAKAN LAWATAN KE REPUBLIK FILIPINA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri



**REPUBLIK FILIPINA**, Khamis, 7 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Republik

Filipina pada 5 hingga 7 November 2024 bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Filipina.

Pada 6 November 2024, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan berangkat



melayat Galeri Hibla ng Lahing Filipino (The Artistry of The Philippines Textiles) di National Museum of Anthropology yang mempamerkan tekstil tenunan tangan tradisional orang asli dan komuniti kebudayaan rakyat Filipina.

Manakala pada sebelah petang, Yang Teramat Mulia

dan First Lady Louise Araneta-Marcos, isteri kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr. berangkat menghadiri Majlis Resepsi bersempena Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik di antara NBD dan Republik Filipina dan menyaksikan Pertunjukan

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Republik Filipina pada 5 hingga 7 November 2024 bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina (kiri dan kiri sekali).

Fesyen bertemakan 'Brunei Darussalam-Philippines : The Fabric of Friendship' di Shangri-La Hotel the Fort.

Turut mengiringi YTM sepanjang lawatan ke Republik Filipina berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

## PSB lancar 6 terbitan baharu di Pesta Buku Brunei 2024

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Sejarah Brunei



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 7 November. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) memperkenalkan enam buah terbitan terbaharu iaitu Buku Perlembagaan Negeri Brunei 1959 : Dalam Ristaan; Buku Syair Kisah Negeri Brunei; Buku Datuk Rumbai; Buku Mewarna Sejarah 1; Jurnal Darussalam Bilangan 23 dan Majalah Pusaka Bilangan 55.

Terbitan terbaharu ini telah dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2024 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, baru-baru ini.

Buku Perlembagaan Negeri Brunei 1959 : Dalam Ristaan merupakan buku mewah (coffee table) pertama terbitan jabatan yang ditulis oleh Dayang Salina

binti Haji Jaafar.

Buku ini merakamkan perjalanan yang ditempuh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam memperjuangkan berperlembagaan dan 'Berkerajaan Sendiri' Negara Brunei Darussalam hingga mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984.

Buku Syair Kisah Negeri Brunei merupakan sebuah buku transliterasi daripada Tulisan Jawi kepada Tulisan Rumi yang dikaji dan disusun oleh Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah.

Buku ini adalah sebuah karya sastera tradisional bernuansa moden yang merungkai peristiwa-peristiwa bersejarah yang berlaku semasa pemerintahan Sultan Brunei Ke-28, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (1950-1967).

Buku Datuk Rumbai hasil penulisan

Rabi'atul'adawiyah binti Haji Suhaili merupakan sebuah cerita rakyat mengenai seorang penduduk Kampung Tanah Jambu bernama Datuk Rumbai yang mempunyai sikap rendah hati dan sentiasa menolong penduduk kampung dalam menyelesaikan masalah. Keperibadian Datuk Rumbai ini menjadi ristaan lisan turun-temurun oleh penduduk Kampung Tanah Jambu sehingga ke hari ini.

Buku Mewarna Sejarah 1 merupakan buku mewarna pertama terbitan PSB yang memuatkan 10 ilustrasi mengenai sejarah penemuan dan kewujudan awal Kesultanan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar atau Sultan Muhammad Shah (Sultan Brunei Pertama).

Jurnal Darussalam Bilangan 23 memuatkan tujuh artikel, antaranya ialah Sejarah Hubungan Kesultanan Brunei dengan Kesultanan Melayu Perak Darul Ridzuan : Era Kolonialisme British; Aspek Keadilan dalam Sistem Pemerintahan Kesultanan Melayu Tradisional; dan Haji Wan Sulaiman Al-Fathani: Pendakwah Islam yang Berkunjung ke Brunei pada Abad Ke-19.

Majalah Pusaka Bilangan 55 memuatkan penulisan sejarah bersumberkan bahan kajian dan hasil penyelidikan dan dokumentasi yang diungkayahkan oleh pegawai dan kakitangan PSB antaranya Membangun Rumah Melayu Brunei Kampong Ayer; makam-makam di Pulau Penyengat; Batu Nisan Daeng Pendita dan Kampung Subok.

Orang ramai yang berminat ingin membeli buku, jurnal dan majalah terbitan PSB dengan potongan harga istimewa adalah dialu-alukan untuk berkunjung ke reruai PSB (no. 19 dan 20), Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir menyaksikan buku-buku dan majalah terbitan Pusat Sejarah Brunei yang baharu (atas kanan, atas kiri dan bawah kanan).

Bolkiah sepanjang Pesta Buku Brunei 2024. Buku, jurnal dan majalah terbitan PSB juga didapati di Kedai Buku PSB, Bandar Seri Begawan semasa waktu bekerja.



# DOA KESYUKURAN RAIKAN KONTINJEN OPERASI BADAI TADUH

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



**RIMBA**, Jumaat, 8 November. - Kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan Misi Operasi BADAI TADUH untuk memberikan bantuan kemanusiaan kepada penduduk di kawasan terjejas di Republik Filipina berikutnya Taufan Tropika Kristine (Trami) telah selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Selasa, 5 November lalu.

Kontinjen yang telah dikerahkan dari 27 Oktober hingga 5 November 2024 itu diketuai oleh Lettenan Kolonel (U) Mohammad Azmi bin Haji Afflon. Sehubungan itu, Majlis Doa Kesyukuran bagi meraikan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada ahli-ahli kontinjen (atas dan kiri).

kepuungan Kontinjen ABDB tersebut yang selesai melaksanakan Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (HADR) di Republik Filipina diadakan di Surau Al-Barakah, Pangkalan Tentera Udara Rimba, hari ini.

Hadir pada majlis berkenaan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada ahli-ahli kontinjen ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Duta Besar Istiwewa dan Mutlak Republik Filipina ke NBD, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio; Atase Pertahanan dan Angkatan Tentera Republik Filipina ke NBD, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pusat Penyelaras Bencana Kebangsaan dan keluarga anggota-anggota ABDB yang diraikan.

Duta Besar Istiwewa dan Mutlak

Republik Filipina ke NBD, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio ketika ditemu bual antara lain menyatakan bahwa kebinasaan yang dibawa oleh Ribut Kristine adalah di luar jangkaan rakyat Filipina, terlalu banyak kematian dan kerosakan harta benda.

"Seluruh asset kami sudah dikerahkan namun masih belum memadai. Kerajaan Filipina kemudian nekad membuat keputusan untuk membuat permintaan bantuan kepada Kerajaan NBD," ujar Puan Yang Terutama.

Mewakili bagi negaranya, PYT seterusnya merasa sangat bersyukur dan menjunjung kasih dengan kewibawaan dan kemurahan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengerahkan pesawat dan helikopter untuk menghulurkan bantuan ke Republik Filipina. "Kerajaan Republik Filipina sangat menghargai sumbangan Kerajaan NBD," jelasnya lagi.

>> Muka 6

## Memperkasa peranan belia untuk kemajuan sejagat

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Pelancaran The Global Network for Youth Competitiveness Hope Network di bawah pengendalian Kementerian Hal Ehwal Belia, Bahrain yang berlangsung di Manama, Bahrain (kanan dan bawah).

**MANAMA, BAHRAIN**, Rabu, 6 November. - Majlis Pelancaran The Global Network for Youth Competitiveness Hope Network di bawah pengendalian Kementerian Hal Ehwal Belia, Bahrain telah berlangsung baru-baru ini, di Manama, Bahrain.

Hadir ke majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad bersama Menteri-menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal belia dan beberapa organisasi



dari Kemboja, Republik Demokratik Rakyat Algeria, Turkiye, Republik Islam Pakistan, Maghribi, Kyrgyzstan, Republik Rakyat China, Republik Cyprus,

Itali, Republik Afrika Selatan, Republik Tunisia dan Persekutuan Rusia, Libya, Amerika Syarikat, negara-negara Gulf Cooperation Council.

Turut hadir United Nations Youth Office, Sirius Federal Territory Council dan League of Arab States.

Rangkaian Hope Network ini bertujuan sebagai platform yang komprehensif dalam memberikan perkhidmatan kepada negara-negara seluruh dunia yang telah mengiktiraf kepentingan dalam memupuk harapan, dan memberikan keyakinan yang positif dalam kalangan belia, menyokong peranan belia-belia dalam pembangunan negara masing-masing dan di seluruh dunia.

Majlis pelancaran tersebut diadakan bersempena Sambutan Jubli Perak His Majesty King Hamad bin Isa Al-Khalifa, King of the Kingdom of Bahrain Menaiki

Takhta.

Inisiatif tersebut diterajui oleh His Highness Shaikh Nasser bin Hamad Al-Khalifa yang mewakili His Majesty King Hamad bin Isa Al-Khalifa dalam hal ehwal kemanusiaan dan kebeliaan.

Negara-negara Ahli Rangkaian Hope Network termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mempamerkan amalan-amalan terbaik dalam pembangunan belia di negara masing-masing melalui video semasa majlis tersebut.

Semasa Majlis Pelancaran tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berkesempatan berjumpa dengan rakan sejawat iaitu Menteri Hal Ehwal Kebeliaan, Bahrain, Puan Yang Terutama Rawan binti Najeeb Tawfiqi, bagi membincangkan cabaran-cabaran yang sedang dihadapi dalam hal ehwal belia dan bertukar-tukar pandangan mengenai amalan terbaik serta

potensi kerjasama dua hala.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan bersama Menteri-menteri yang lain juga menandatangani Hope Network Charter sebagai tanda sokongan NBD atas usaha Bahrain

dalam memperkasa dan mengangkat peranan belia untuk kemajuan sejagat, sejajar dengan matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 - 2035, NBD iaitu antaranya pemerksaan belia dengan menggalakkan peningkatan kerjasama dan pertukaran organisasi belia di peringkat serantau dan antarabangsa, dan belia mendapat pengiktirafan antarabangsa dalam pelbagai kejayaan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut disertai oleh Kuasausaha Sementara Kedutaan NBD ke Kingdom of Bahrain, pegawai-pegawai daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## NASIONAL

# TERUS KOMITED MENYEDIAKAN PENJAGAAN BERKUALITI TINGGI



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada Majlis Perasmian Hari Keselamatan Pesakit Sedunia (World Patient Safety Day - WPSD) bertemakan 'Meningkatkan Diagnosis Untuk Keselamatan Pesakit' (Improving Diagnosis for Patient Safety) dengan slogan 'Betulkan, Pastikan Selamat!' (Get it Right! Get It Safe!) (atas dan kanan).**

**JERUDONG**, Rabu, 6 November. - Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMC) dan Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialist Centre - PJSC) hari ini bersama-sama meraikan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia (World Patient Safety Day - WPSD) bertemakan 'Meningkatkan Diagnosis Untuk Keselamatan Pesakit' (Improving Diagnosis for Patient Safety) dengan slogan 'Betulkan, Pastikan Selamat!' (Get it Right! Get It Safe!) yang menekankan kepentingan komunikasi dan kerjasama yang berkesan antara penyedia penjagaan kesihatan untuk mengurangkan kesilapan diagnosis.

Majlis Perasmian acara berkenaan berlangsung di RF Lounge PJSC dan disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga Pengurus JPMC dan PJSC serta Pengarah Eksekutif JPMC.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah pasukan pengurusan kanan dan kakitangan

kedua-dua pusat perubatan berkenaan.

Pengurus Pengurusan Kualiti dan Maklumat Kesihatan JPMC, Jeffry Damit dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan sebagai sebahagian daripada komitmen mereka terhadap penjagaan pesakit, JPMC dan PJSC juga turut melancarkan siri aktiviti derma bersama bagi menyediakan peranti ujian di rumah, seperti pengukur glukosa (*glucometer*) dan alat pemantau tekanan darah kepada pesakit yang memerlukan.

Inisiatif berkenaan tambahnya, bertujuan untuk memberi pesakit kebebasan dalam memantau kesihatan mereka sendiri di rumah.

Selain itu, majlis berkenaan juga menyaksikan pelancaran video pendidikan dan risalah mengenai penggunaan peranti ujian di rumah. Inisiatif berkenaan merupakan sebahagian Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) berterusan kedua-dua institusi perubatan untuk menyediakan pesakit dengan pengetahuan dan alat yang diperlukan bagi tujuan pemantauan kesihatan di rumah.

Ini termasuk juga menyediakan



jalur ujian yang berpatutan dan demonstrasi langsung kepada pesakit semasa lawatan ke rumah, bagi memastikan kemampaman jangka panjang usaha pemantauan kesihatan pesakit secara sendiri.

"Kesilapan dalam diagnosis boleh membawa akibat yang serius dan dengan demikian adalah ditekankan pentingnya diagnosis yang sah dan tepat pada masanya untuk meningkatkan hasil rawatan pesakit dan mengurangkan risiko membahayakan," ujar Jeffry Damit lagi.

Bagi meningkatkan lagi kualiti penjagaan, PJSC turut melaksanakan polisi baharu mengenai laporan keputusan kritis, yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan ketepatan masa dalam laporan keputusan ujian.

Polisi berkenaan selaras dengan Matlamat Keselamatan Pesakit Antarabangsa (International Patient Safety Goal - IPSG) oleh Joint Commission International (JCI). Sementara itu, JPMC juga telah melantik pemimpin-pemimpin dan ketua bersama untuk mengetuai usaha ke arah pensijilan semula JCI, dengan tumpuan

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

utama terhadap keselamatan pesakit.

Melalui inisiatif-inisiatif berkenaan, JPMC dan PJSC sekali lagi menegaskan komitmen mereka untuk menyediakan

penjagaan berkualiti tinggi yang berfokuskan kepada pesakit dan sentiasa memastikan keselamatan setiap pesakit yang menerima rawatan di pusat perubatan mereka.

## &gt;&gt; Muka 5

Atase Pertahanan dan Angkatan Tentera Republik Filipina di NBD, Kolonel Garry L. Atienza turut mengongsikan perasaan sangat mudah untuk bekerjasama antara Kerajaan NBD dengan Kerajaan Republik Filipina, khususnya Angkatan Tentera Filipina dan ABDB. Kerjasama itu berjalan dengan sangat lancar dan profesional dari pelbagai peringkat termasuklah mematuhi peraturan tempatan di Republik Filipina. "Mempunyai rakan perhubungan yang sedia ada di Republik Filipina dan NBD sangat membantu memudahkan segala urusan kami," tambahnya.

Sementara Leftenan Kolonel (U) Mohammad Azmi bin Haji Afflon selaku Ketua Kontinen bagi Operasi BADA TADUH di Republik Filipina menjelaskan bahawa tanggungjawab yang digalas adalah sangat mencabar dan memerlukan persiapan rapi di samping mempunyai tahap ketenangan yang tinggi.

Leftenan Kolonel (U) Mohammad Azmi juga sangat mengambil berat akan keselamatan penduduk setempat terutamanya kepada pasukan ABDB yang dikerahkan ke kawasan-kawasan operasi yang berisiko tinggi lebih-lebih lagi semasa keadaan taufan melanda.

Selain itu, beliau terus menumpukan fokus untuk menyelaraskan pelbagai aspek operasi termasuk penghantar bantuan kecemasan ke kawasan yang terjejas dan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan.

Manakala Pegawai Memerintah No. 15 Skuadron, Mejar (U) Mohd. Adieb bin Abd. Rahman yang menerangkan pesawat C295MW selaku Kapten Pesawat dalam Operasi BADA TADUH mengongsikan pengalamannya semasa penglibatan beliau bagi misi bantuan kemanusiaan di Republik Filipina di bawah Operasi BADA TADUH.

"Antara cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan operasi tersebut adalah menghadapi Taufan Kristine dan pada masa yang sama Taufan Leon juga sedang berkembang. Keadaan cuaca yang tidak menentu dengan ribut disertakan dengan angin kencang memburukkan keadaan yang mana angin kencang tersebut memberikan impak kepada kawasan Bicol yang dipenuhi dengan kawasan pergunungan dan juga gunung berapi," ujarnya.

Di samping itu, selaku Ketua Kontinen bagi pasukan kedua yang membawa Helikopter Blackhawk S70i, Mejar (U) Abdul Hakim bin Haji Yahya juga menambah cabaran yang mereka lalui.

"Penerangan yang sangat panjang dari NBD ke Republik Filipina yang mengambil masa selama 10 jam. Sejurus tiba di Republik Filipina, tanpa rehat yang cukup kami terus melakukan tugas pertama misi bantuan tersebut," ujarnya lagi.

Sementara itu, PW2 (U) Mohammad Ikhwan bin Haji Awang Ramlee, antara kru Helikopter Blackhawk S70i merakamkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana telah diberi peluang untuk terlibat di bawah Operasi BADA TADUH dan seterusnya membantu mangsa Ribut Tropika Kristine yang melanda Republik Filipina.

"Walaupun banyak cabaran yang ditemu, seperti keadaan cuaca yang tidak menentu dan kawasan yang sangat asing bagi kami. Alhamdulillah, kami berjaya melaksanakan tugas dengan sebaiknya dan selamat tiba ke tanah air ke pangkuhan keluarga masing-masing," tambahnya lagi.

Misi berkenaan mencerminkan komitmen teguh Kementerian Pertahanan terhadap Operasi HADR di rantau ini, seperti digariskan di dalam Kertas Putih Pertahanan 2021, yang menekankan pendekatan proaktif dalam pengurusan bencana dan kepentingan menggalakkan kerjasama dengan negara-negara serantau.

Selain itu, ia juga menyokong aspirasi Piagam ASEAN yang menekankan keperluan bagi negara-negara anggota untuk meningkatkan komitmen kolektif dan tanggungjawab bersama dalam menghadapi cabaran kemanusiaan.

Dengan melaksanakan misi itu, Kementerian Pertahanan bukan sahaja mengukuhkan objektif strategiknya tetapi juga menyumbang kepada rangka kerja serantau yang bertujuan untuk mempromosikan daya ketahanan dan kerjasama dalam menghadapi bencana.

## Kementerian Kesihatan, BSP meterai MoU



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Kesihatan dengan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 November. - Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Kesihatan dengan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP) telah diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan penandatanganan MoU tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Mohammad Isham bin Haji Jaafar. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah diketuai oleh Pegawai Pelajaran, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syujaie bin Begawan Mudim Haji Matassim, diikuti dengan Majlis Penandatanganan MoU tersebut.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Kesihatan ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail dan disaksikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abd Gharif.

Manakala, bagi pihak BSP pula ditandatangani oleh Pemangku Pengarah Komersial / Pengurus Kemudahan Bersepadu, Dayang Mazlina Haji Ma'awiah dengan disaksikan oleh Pengarah Urusan BSP, Johan Atema.

MoU tersebut bertujuan untuk menggariskan usaha dalam mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk menggalakkan, memudahkan dan mempromosikan kerjasama dalam bidang yang berkaitan seperti latihan atau kursus kakitangan, pengukuhan pengawalan bersepadu yang menjelaskan kesihatan awam khususnya dalam penyakit-penyakit berjangkit, kakitangan penjagaan kesihatan dan profesional kesihatan, dan bidang-bidang kepentingan lain yang dipersetujui.

Turut hadir di majlis ini ialah ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Kesihatan dan BSP.

# KOMITMEN BIBD TERHADAP MASA DEPAN LEBIH HIJAU

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Pelancaran Rasmi Sistem Photovoltaic (PV) 60kWh baharu (kanan). Manakala gambar bawah, pemasangan panel solar di Ibu Pejabat BIBD bukan sahaja mengurangkan jejak karbon organisasi tetapi juga menandakan komitmen yang lebih luas untuk menyumbang secara positif kepada komuniti dan alam sekitar.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 8 November. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini telah merasmikan Sistem Photovoltaic (PV) 60kWh baharu yang menandakan pencapaian penting dalam ke arah kelestarian dan penjagaan alam sekitar.

Hadir pada Majlis Pelancaran Rasmi yang berlangsung di Ibu Pejabat BIBD ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul

Rahman juga selaku Pengurus BIBD.

BIBD kini merupakan institusi kewangan pertama di Bandar Seri Begawan yang memasang panel solar atas bumbung, menunjukkan komitmen BIBD terhadap masa depan yang lebih hijau dan berdaya tahan untuk Negara

Brunei Darussalam.

Sistem PV Solar akan menjana tenaga boleh diperbaharui yang mencukupi untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida bank secara signifikan sebanyak kira-kira 50 tan metrik setiap tahun yang setara dengan mencegah pelepasan yang dihasilkan daripada pembakaran lebih 5,000 galon petrol. Usaha alam sekitar ini setanding dengan menanam 750 pokok setiap tahun.

Projek solar atas bumbung BIBD menunjukkan kepimpinannya dalam amalan lestari Sektor Kewangan negara dan juga menjadi inspirasi bagi perusahaan komersial lain untuk menggabungkan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui.

Dengan mengamalkan tenaga solar, BIBD akan mencapai penjimatan kos yang signifikan yang boleh disalurkan ke arah inisiatif komuniti dan meningkatkan lagi perkhidmatan pelanggan.

Terdahulu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Masri semasa pelancaran menyatakan bahawa sebagai bangunan komersial pertama sebuah institusi

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

kewangan di Bandar Seri Begawan yang memasang panel solar atas bumbung, Ibu Pejabat BIBD menunjukkan contoh dalam mengintegrasikan tenaga boleh diperbaharui ke dalam operasi mereka.

"Hari ini, apabila kami menghidupkan sistem solar ini, kami melakukan lebih daripada hanya memberi kuasa kepada sebuah bangunan memperkasakan komuniti kami.

"Pemasangan ini menetapkan penanda aras baharu untuk amalan lestari dalam Sektor Kewangan Brunei dan saya berharap ia akan menjadi inspirasi kepada yang lain untuk mengikuti jejak langkah yang sama," kata Awang Junaidi.

Selain itu, usaha BIBD adalah sebahagian daripada komitmen yang lebih besar dan berterusan terhadap kelestarian selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 untuk ekonomi yang dinamik dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Bank ini terus mengambil langkah aktif untuk menyokong matlamat alam sekitar negara melalui rangka kerja kelestariannya.

Justeru, pemasangan panel solar di Ibu Pejabat BIBD bukan sahaja mengurangkan jejak karbon organisasi tetapi juga menandakan komitmen yang lebih luas untuk menyumbang secara positif kepada komuniti dan alam sekitar.

Adanya penjimatan yang diperoleh daripada penggunaan tenaga solar akan membolehkan BIBD melabur lebih banyak ke dalam inisiatif komuniti tempatan, memberikan manfaat tambahan kepada rakyat tempatan.

Dengan itu, BIBD kekal berdedikasi untuk menjadi pemangkin perubahan positif dan projek solar ini adalah representasi nyata dedikasinya terhadap masa depan yang mampu untuk semua.

Turut hadir, pegawai kanan dari Kementerian Pembangunan, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Ahli Lembaga Pengarah BIBD dan Badan Penasihat Syariah serta pengurusan dan kakitangan BIBD.



Brunei Darussalam.

## 118 pegawai, kakitangan KHEDN bersara diraikan



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 7 November. - Seramai 118 pesara diraikan petang tadi pada Majlis Penyampaian Sijil Persaraan dan Penghargaan bagi para pegawai dan kakitangan



Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman. Majlis Penghargaan berkenaan

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil berkenaan (kiri dan kiri sekali), manakala gambar bawah, sekitar majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan KHEDN, Bandar Seri Begawan.



bertujuan bagi menghargai jasa baik dan sumbangan para pegawai dan kakitangan di sepanjang mereka berkhidmat di KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya. Juga hadir, Setiausaha Tetap - setiausaha tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai

# KONGSI AMALAN, STRATEGI TERBAIK MEMPERKUKUH INSTITUSI KELUARGA



**Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**REPUBLIK SINGAPURA,** Jumaat, 8 November. — Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad telah menghadiri Persidangan Keluarga Asia (Asian Family Conference) yang diadakan di Republik Singapura pada 6 hingga 7 November 2024.

Persidangan yang bertemakan 'Keluarga Asia Yang Kuat dan Berdaya Tahan : Cabaran dan Peluang' ini dikelolakan bersama oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga, Republik Singapura bersama Universiti Sains Sosial, Singapura.

Persidangan turut dihadiri oleh Menteri-menteri ASEAN, ahli-ahli akademik dan ketua-ketua organisasi dari rantau Asia yang bertanggungjawab atas hal ehwal sosial dan kekeluargaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam, manakala ucapan pembukaan telah disampaikan oleh Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad.

Persidangan ini mengumpulkan pelbagai pakar dan pemimpin dari seluruh Asia untuk membincangkan mengenai strategi, polisi dan amalan terbaik dalam memperkuuhkan institusi keluarga selain membincangkan mengenai program dan amalan-amalan baik berdasarkan bukti untuk memperbaiki hasil

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menghadiri Persidangan Keluarga Asia (Asian Family Conference) yang diadakan di Republik Singapura pada 6 hingga 7 November 2024 (kiri dan kanan).

keluarga dari segi kedayahtahanan keluarga, hubungan, kesejahteraan dan perkembangan kanak-kanak.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyampaikan ucapan mengenai 'Strengthening the Pillars of Society: Brunei Darussalam's Commitment to Supporting and Enhancing Family Institutions'.

Di dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat telah mengongsikan mengenai inisiatif-inisiatif Negara Brunei Darussalam dalam memperkuuhkan institusi keluarga sebagai tonggak pembangunan sosial yang selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja dalam memperkasakan kesejahteraan keluarga melalui dasar-dasar yang menyokong kestabilan dan keharmonian dalam komuniti.

Persidangan ini juga telah didahului oleh Mesyuarat Khas Menteri-menteri ASEAN mengenai Kesejahteraan dan Pembangunan Sosial (Special AMMSWD) yang dipengerusikan oleh Menteri Wanita, Keluarga dan Pembangunan Komuniti, Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri.

Pada Mesyuarat Khas tersebut, Menteri-menteri ASEAN telah



mempersetujui Collaboration on Understanding the State of ASEAN Families yang akan membina rangkaian penyelidikan dan kajian mengenai isu-isu keluarga di rantau ini.

Yang Berhormat turut disertai

oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari serta pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## BIBD komited ke arah kelestarian alam sekitar



MAJLIS Penanaman Pokok yang diadakan di Daerah Temburong dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong (atas), manakala gambar atas kanan, antara yang menyertai kempen berkenaan.

**TEMBURONG,** Jumaat, 8 November. — Sebagai sebahagian daripada inisiatif Projek Alam Mampan, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menyempurnakan acara kemuncak Projek 660 Roots to a Greener Future dengan Majlis Penanaman Pokok yang diadakan di Daerah Temburong.

Pencapaian penting BIBD dalam mendukung kelestarian ini menyaksikan 30 pokok bahru telah ditanam di Temburong sebagai usaha BIBD meneruskan komitmennya untuk menyumbang

ke arah negara yang lebih hijau dan mampan.

Majlis tersebut dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Bahar bin Haji Umar; Ketua Kampung Batu Apoi, Awang Haji Mumtaz bin Haji Akop / Yaakub; bersama-sama pihak pengurusan BIBD, kakitangan, sukarelawan dan ahli-ahli komuniti dalam sama-sama berganding bahu terhadap penjagaan alam sekitar.

Dilancarkan pada bulan Mei dengan penanaman sulung sebanyak 40 pokok di Taman

Mahkota Jubli Emas, inisiatif 660 Roots to a Greener Future direka untuk menanam 660 pokok di seluruh Brunei menjelang akhir tahun.

Projek itu terletak di bawah Rangka Kerja Kelestarian BIBD, yang menyepakati prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) ke dalam operasi bank, menekankan dedikasinya untuk menjadi warga korporat yang bertanggungjawab.

Inisiatif ini secara langsung menyokong Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan

**Siaran Akbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam**



Bangsa-Bangsa Bersatu (SDGs), dengan tumpuan khusus pada SDG 15: Kehidupan di darat, dengan menggalakkan perlindungan, pemuliharaan dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan sumber semula jadi.

Rangka Kerja Kelestarian BIBD mengesahkan komitmen berterusan bank terhadap objektif ekonomi, sosial dan alam sekitar jangka panjang Brunei, mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh entiti korporat dalam mempromosikan kemampunan.

BIBD kekal teguh dalam mengamalkan amalan mampan dalam semua bidang perniagaannya, dengan Projek Alam Mampan sebagai inisiatif utama, mencerminkan misi bank untuk menyumbang secara positif kepada Wawasan Brunei 2035. Ketika Projek 660 Pokok semakin hampir, BIBD meraikan pencapaian ini sebagai sebahagian daripada cita-citanya yang lebih luas untuk memberi inspirasi kepada tanggungjawab alam sekitar.

BIBD komited untuk memacu kemajuan selanjutnya dalam pemuliharaan alam sekitar, menyumbang kepada perjalanan kolektif negara ke arah masa depan yang lebih mampan dan menggalakkan rakyat Brunei untuk berganding bahu dalam membina legasi pengawasan hijau untuk generasi akan datang.

# KONTINJEN ABDB SERTAI MALBATT 850-12 BERLEPAS KE LUBNAN



MENTERI Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin memasangkan Beret PBB kepada Ketua-ketua Elemen termasuklah Ketua Kontinjen dari Negara Brunei Darussalam (kiri), manakala gambar kanan, anggota MALBATT 850-12 bergambar ramai bersama Menteri Pertahanan Malaysia semasa Upacara Pemakaian Beret PBB di Pangkalan Udara Subang, Malaysia.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Kementerian Pertahanan

**PANGKALAN UDARA SUBANG, MALAYSIA,** Khamis, 7 November. - Penerbangan pertama Kontinjen Batallion Malaysia (MALBATT) 850-12 untuk Misi Pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) yang terdiri

dari 220 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan tiga anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berlepas baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis pemergian berkenaan, Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, yang seterusnya menyampaikan Upacara Pemakaian Beret

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi anggota Kontinjen MALBATT 850-12.

Juga hadir ialah Penasihat Pertahanan Brunei Darussalam ke Malaysia, Lettenan Kolonel Rudie Asmawi bin Haji Abidin; pegawai-pegawai kanan ATM dan ahli keluarga kontinjen.

Kontinjen ABDB MALBATT 850-12 selebihnya akan berlepas pada tiga tarikh yang disusun

secara berasingan.

Penerbangan kedua akan membawa empat anggota dijadualkan berlepas pada Ahad, 10 November 2024, manakala penerbangan seterusnya yang membawa sembilan anggota dijadualkan berlepas pada Khamis, 14 November 2024.

Seterusnya, penerbangan terakhir akan membawa 14 anggota dijadualkan berlepas

pada Isnin, 18 November 2024.

Kontinjen MALBATT 850-11 juga akan membuat penerbangan pulang dari Lubnan ke Malaysia sejurus setibanya setiap penerbangan MALBATT 850-12 di Lubnan.

Proses Pemindahan Kuasa (TOA) antara kedua-dua kontinjen akan diadakan pada Sabtu, 16 November 2024 di Kem Marakah, Lubnan.

## NBD tonjol peluang pelaburan dalam kepelbagaian ekonomi



SEMINAR berkenaan dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik India (atas), manakala gambar bawah kanan, Seminar Pelaburan Sulung Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei yang diadakan di Chennai, India.

**INDIA**, Khamis, 7 November. - Potensi Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai pintu masuk ke pasaran ASEAN dan serantau dipamerkan pada Seminar Pelaburan Sulung Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) di Chennai, India yang diadakan di ITC Grand Chola pada 6 November 2024 lalu.

Dengan bertajuk 'Weaving New Connections: The Brunei-Chennai Story', acara berkenaan menghimpunkan lebih 100 pemimpin perniagaan dari India dan NBD, yang menonjolkan peluang pelaburan dalam kepelbagaian ekonomi NBD.

Seminar berkenaan dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Republik India, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha.

Dalam ucapan perasmianya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Daniel Leong

memperkenalkan cadangan unik NBD sebagai asas untuk perniagaan yang ingin berkembang ke Asia Tenggara dan rantau penghubung, berikutan kedudukannya yang strategik dan persekitaran perundungan perniagaan yang kukuh dan tidak asing, ditambah lagi dengan penggunaan bahasa Inggeris secara meluas.

"Dengan rejim cukai rendah di NBD termasuk tanpa cukai pendapatan peribadi, cukai jualan atau cukai keuntungan modal menawarkan kelebihan kewangan yang sukar dipadankan di rantau ini."

"Digabungkan dengan lokasi strategik NBD menjadikannya pangkalan yang sangat baik untuk operasi serantau dan sebagai batu loncatan ke pasaran Asia Tenggara yang lebih luas," kata Daniel Leong.

Kedudukan berfaedah NBD dipertingkatkan lagi dengan akses pasarannya melalui peningkatan

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

jumlah perjanjian perdagangan, termasuk Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (Regional Comprehensive Economic Partnership-RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (Comprehensive and Progressive Agreement For Trans-Pacific Partnership-CPTPP), yang menghubungkan pelabur kepada lebih tiga bilion pengguna.

Kestabilan politik dan komitmen NBD terhadap kelestarian alam sekitar turut mengukuhkan daya tarikannya. Dari segi sejarah bebas daripada bencana alam yang besar dengan 70 peratus negara diliputi dalam hutan hujan asli, NBD menyediakan lokasi hijau yang stabil dan unik untuk perniagaan yang mencari peluang jangka panjang di Asia Tenggara.

Lima sektor keutamaan, iaitu minyak dan gas hilir, makanan, ICT, perkhidmatan dan pelancongan adalah fokus utama kepada strategi kepelbagaian ekonomi Kerajaan NBD, yang masing-masing secara aktif menggalakkan Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investments-FDI).

Perbincangan panel menyerlahkan syarikat India yang berjaya beroperasi dalam sektor ini di NBD, termasuk pengeluar bahan kimia khusus Polygel, pembekal oksigen dan nitrogen Atoll Oxygen, dan pembekal perkhidmatan ICT JSY Systems.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Polygel, Luv Shah, yang telah beroperasi di NBD sejak 2018 menekankan potensinya dalam mengakses pasaran India dan China.

"Bagi perniagaan dan usahawan India yang mencari bahan mentah atau sumber tenaga, NBD sudah tentu boleh menjadi destinasi. Tetapi terdapat juga peluang untuk industri berdasarkan pengetahuan

seperti IT dan perkhidmatan dan kami menjemput FDI ke NBD untuk melihat peluang secara langsung.

"Di Polygel, kami bukan sahaja terselamat daripada COVID-19 tetapi juga berkembang dalam tempoh enam tahun yang lalu, yang merupakan bukti kepada apa yang NBD tawarkan. Kerajaan sedang giat berusaha untuk menarik FDI, dengan inisiatif untuk menambah baik infrastruktur, kemudahan pelabuhan, penyediaan tanah dan kesalinghubungan.

"NBD juga menawarkan kestabilan, tadbir urus yang baik dan kedaulatan undang-undang yang kukuh," tambah Luv Shah lagi.

Sebagai agensi tumpuan NBD untuk pelaburan asing, BEDB menyediakan sokongan yang disesuaikan melalui perkhidmatan Investors' Concierge, membantu pelabur daripada kajian pasaran awal hingga kemudahan pasca penubuhan.

BEDB juga membangunkan dan mengurus 27 taman perindustrian di seluruh NBD, memudahkan persediaan dan pengembangan dengan sokongan infrastruktur yang disesuaikan.

Selain itu, melalui cabang pembangunan perusahaannya, Darussalam Enterprise (DARE), BEDB memupuk sinergi dengan FDI untuk meningkatkan integrasi

rantaian bekalan dan menyokong pertumbuhan jangka panjang.

Seminar berkenaan bertepatan dengan penyambungan semula penerbangan terus antara NBD dan India selepas dua dekad, dengan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) melancarkan penerbangan sulungnya dari Bandar Seri Begawan ke Chennai pada 5 November 2024 lalu.


Pencapaian berikutnya pertemuan penting antara kedua-dua ketua pemimpin NBD dan India pada September, menandakan lawatan pertama oleh Perdana Menteri India ke NBD.

Acara berkenaan adalah sebagaian daripada Misi Pertukaran Perniagaan NBD-India, diketuai oleh BEDB dan disertai oleh lebih 20 wakil dari Dewan Perniagaan India dan perniagaan berkepentingan dari India.

Misi akan diteruskan dengan pertemuan dua hala dan lawatan tapak pada 7 dan 8 November 2024.

Seminar berkenaan disokong bersama oleh Suruhanjaya Tinggi India di NBD dan RB, yang diakhiri dengan Acara Brunei Night bagi meraikan tarikan pelancongan dan kebudayaan NBD dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan NBD.

BEDB dijangka menganjurkan lawatan susulan di NBD untuk bakal FDI India berikut Program Chennai berkenaan.



# MENEROKA KAEDAH MOBILITI ALTERNATIF, MEMAJUKAN PENYELIDIKAN AIMS



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Program Mobiliti Antarabangsa Asia Untuk Pelajar (AIMS) Ke-9, bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 6 November. - Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini mengadakan Majlis Pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Program Mobiliti Antarabangsa Asia Untuk Pelajar (AIMS) Ke-9, bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Mesyuarat berkenaan diadakan secara hibrid selama dua hari, iaitu pada 6 hingga 7 November 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap

(Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, NBD, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pusat Serantau Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara bagi Pengajian Tinggi dan Perkembangan (SEAMEO RIHED), Penolong Profesor Dr. Romyen Kosaikanont, selaku Pengurus Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Program berkenaan, diikuti dengan ucapan pembukaan oleh tetamu kehormat



majlis.

Antara tujuan Mesyuarat Jawatankuasa Pandu berkenaan diadakan adalah bagi memberi tumpuan kepada peranan dan fungsi serta isu-isu teknikal dan yang berkaitan untuk meningkatkan pembangunan Program AIMS, termasuk usaha untuk menjadikan AIMS lebih maju ke hadapan, mobiliti inovatif yang sejajar dengan Mobiliti Asia Tenggara-Eropah (SEA-Europe Mobility) untuk pembangunan

## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

berdaya tahan, meneroka kaedah mobiliti alternatif dan memajukan penyelidikan AIMS.

Mesyuarat berkenaan juga merangkumi perkongsian mengenai AIMS dan proses AIMS untuk menyokong penyelarasan serantau serta sistem dan proses pengantarabangsaan.

Perbincangan dan hasil mesyuarat berkenaan diharapkan dapat membantu dalam

pembangunan sumber dan maklumat AIMS.

Mesyuarat berkenaan dihadiri oleh Negara-negara Ahli Program AIMS, iaitu NBD, Filipina, Jepun, Kembuja, Malaysia, Republik Korea, Singapura dan Thailand.

Mesyuarat dianjurkan bersama oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, NBD dan Pusat SEAMEO RIHED.

## Promosi peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua

NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam hadir pada Majlis Pembukaan Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L) dan Festival Pembelajaran Sepanjang Hayat 2024 yang berlangsung di Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA) (kanan dan kanan sekali).



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 6 November. - Pembelajaran sepanjang hayat amat penting pada masa kini disebabkan perubahan teknologi yang begitu pantas sehingga menjadikan kemahiran semakin ketinggalan.

Mempelajari perkara baharu membantu individu berkembang maju dalam kerjaya dan dapat menyesuaikan diri dengan pekerjaan baharu sekali gus menjadikan kehidupan lebih menyeronokkan dan dapat menjaga kesihatan mental.

Perkara demikian dijelaskan oleh Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kifle semasa Majlis Pembukaan Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L) dan Festival Pembelajaran Sepanjang Hayat 2024 yang berlangsung di Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), di sini.

Menurutnya lagi, C3L berjaya menganjurkan Persidangan Antarabangsa Ke-2 di samping memperluas tawaran pendidikan dengan memperkenalkan *micro-credentials* dan program

*micro-master* yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan masyarakat dan tenaga kerja yang dinamik.

Selain itu tambahnya, ia juga menandakan satu pencapaian penting dalam transformasi digital UBD dengan pelancaran laman sesawang baharu C3L dan platform pembelajaran terbuka dengan gabungan pembelajaran sepanjang hayat dan platform digital berkenaan mengubah pembelajaran UBD yang dinamik dan inklusif, menjadikannya lebih menarik dan relevan daripada sebelumnya.

Dr. Hazri seterusnya menambah, komitmen mereka terhadap pembelajaran sepanjang hayat selaras sepenuhnya dengan Matlamat 1 Wawasan Brunei 2035

yang bertujuan untuk menjana rakyat yang berkemahiran tinggi dan berjaya, serta selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 4, iaitu bagi memastikan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama serta mempromosi peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

C3L dan Festival Pembelajaran Sepanjang Hayat 2024 dianjurkan dengan kerjasama Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE); Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB); Institut Pengajian Dasar (IPS) dan ILIA, menandakan satu pencapaian penting dalam komitmen UBD untuk menjadikan pendidikan sebagai pemangkin kemajuan

masayarakat, selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Festival berkenaan mempamerkan impak transformasi pembelajaran sepanjang hayat dengan menekankan kelestarian dan inklusiviti di peringkat global yang menampilkan barisan pembentang antarabangsa daripada institusi terkemuka, termasuk Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Malaysia; Universiti Kagawa, Jepun; Universiti Mahidol dan Universiti Burapha, Thailand.

Agenda festival berkenaan

merangkumi pelbagai perkhidmatan pendidikan, pameran teknologi, dan demonstrasi yang menyokong pembangunan mampan termasuk ceramah mengenai *micro-credentials* dan pembelajaran sepanjang hayat; bengkel bertajuk 'Collaborating for Change – Sustainable Projects in Action'; mesyuarat perniagaan; pameran; perbincangan; ceramah umum serta Majlis Penyampaian Anugerah bagi *micro-credentials* terbaik yang kesemuanya bertujuan untuk memberi inspirasi dan mempromosi inovasi pendidikan dan tanggungjawab sosial.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

# MEMPERKUKUH KESEPADUAN SISTEMIK MELALUI PENGLIBATAN, SOKONGAN PIHAK BERKEPENTINGAN



SUASANA Simposium Pemimpin Sekolah 2024 yang berlangsung di Dewan Indah Biru dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan selaku tetamu kehormat majlis (kiri dan kanan).

LUGU, Rabu, 6 November. Pelancaran Buku Garis Panduan Pelan Perkembangan dan Laluan Kerjaya Pendidik adalah satu peristiwa penting dalam perjalanan Kementerian Pendidikan menuju ke arah kecemerlangan dalam pendidikan.

Ia merupakan langkah penting dalam menyelaraskan matlamat pendidikan negara dengan komitmen Kementerian Pendidikan terhadap pertumbuhan profesional dan kerjaya untuk pendidik.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin selaku tetamu kehormat majlis

pada Simposium Pemimpin Sekolah 2024 yang berlangsung di Dewan Indah Biru, di sini.

Jelasnya lagi, buku panduan berkenaan menggariskan tiga landasan kerjaya berbeza yang direka untuk menyokong pendidik pada setiap peringkat kerjaya mereka, selain mempromosi pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kepimpinan.

Oleh itu, beliau menggesa setiap pemimpin sekolah dan guru untuk memanfaatkan sepenuhnya buku panduan berkenaan di samping meneroka kemungkinan yang ada dalam landasan, mengenal pasti bidang untuk pertumbuhan dan mengambil langkah berani ke arah pembangunan kerjaya.

Simposium yang diadakan oleh Kementerian Pendidikan berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah, selaku Pengerusi Simposium Pemimpin Sekolah 2024.

Pada majlis berkenaan, pelancaran Buku Garis Panduan Pelan Perkembangan dan Laluan Kerjaya Pendidik, Kementerian Pendidikan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Simposium diisikan dengan pembentangan Development of the Brunei Darussalam Students Assessment Framework dari

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Jabatan Peperiksaan dan A Pathway to Holistic Student Development, iaitu melalui Program Sahsiah Pelajar (PSP) dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Manakala pada sesi petang diteruskan lagi dengan Sesi Dialog Ketua-ketua Jabatan Kementerian Pendidikan Bersama Pemimpin-pemimpin Sekolah.

Seramai 393 pemimpin sekolah kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama menghadiri simposium berkenaan.

Simposium yang bertemakan

'Pemimpin Berkualiti, Pendidikan Berkualiti' dengan sub-tema 'Memperkuuh Kemahiran Sedia Masa Depan Pelajar' bertujuan untuk memperkuuh kesepaduan sistemik Kementerian Pendidikan melalui penglibatan serta sokongan semua pihak berkepentingan dan mengukuhkan kompetensi para pemimpin sekolah.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), ketua-ketua jabatan, ketua-ketua kluster dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar juga turut memuji pembangunan aplikasi prototaip oleh para pelajar daripada pelbagai fakulti, terutamanya memberi pengiktirafan khusus kepada sumbangan dari Sekolah Sains Digital (SDS).

Akhir sekali, beliau juga mengucapkan tahniah kepada empat Projek Inkubasi yang diiktiraf atas kejayaan mereka dalam Pertandingan Reach Pitch, yang dianjurkan oleh 673 Start Up di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Pencapaian berkenaan telah menonjolkan prestasi cemerlang UBD, bersaing dengan 14 pasukan daripada Institusi Pendidikan Tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Penutup Festival Inkubasi UBD (INCUFEST 2024).

## Festival Inkubasi UBD labuh tirai



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Penutup Festival Inkubasi UBD (INCUFEST 2024).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUNGKU LINK**, Khamis, 7 November. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Pejabat Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan (Industry Engagement and Enterprise Development-IEED) hari ini mengadakan Majlis Penutup Festival Inkubasi UBD (INCUFEST 2024) yang diadakan selama empat hari bertempat di Student Centre, UBD, di sini.

INCUFEST 2024 adalah festival yang meraikan inovasi, keusahawanan dan kreativiti yang merupakan akar umbi bagi Projek Inovasi DY & Capstone dalam menyediakan platform yang memberi inspirasi kepada inovator

muda membentangkan idea mereka dan berhubung dengan pemimpin industri.

Sepanjang empat hari berkenaan, acara tersebut menampilkan pameran, lawatan industri dan Stesen Inovatif Spark & Create.

Para peserta juga mengambil bahagian dalam aktiviti seperti Innovation Hunt, Spin for Success, Young Makers Studio dan Game On yang masing-masing direka untuk memupuk kreativiti dalam kalangan belia.

Pada hari terakhir memberi tumpuan kepada penilaian khusus terhadap Projek Inovasi DY & Capstone dan Kanvas Model

Perniagaan DY yang memberi peserta pandangan berharga.

Festival berkenaan diakhiri dengan sesi terakhir dalam siri Spektrum Keusahawanan IV bertajuk 'Menghubungkan Usahawan Tempatan : Peranan Pasar Dalam Ekonomi Brunei', dengan usahawan dan pemimpin industri membincangkan pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh pasaran.

Dengan menampilkan 45 pameran, acara berkenaan berjaya mengetengahkan sumbangan daripada rakan industri terkemuka, termasuk Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Persatuan Keusahawanan Muda Brunei (Young Entrepreneurs Association of Brunei-YEAB), Brunei Innovation Lab (BIL) serta

organisasi seperti ARTISM, di samping projek inovatif daripada penyelidik UBD.

Peserta daripada Program Inkubasi, Projek Capstone dan Venture Lab turut membentangkan penyelesaian kreatif dan menekankan kekuatan ekosistem keusahawanan UBD.

Pemangku Naib Canselor bagi Pejabat IEED, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra dalam ucapannya mengakui sokongan dan maklum balas daripada rakan industri.

Dalam ucapan penutupnya, beliau menekankan kepentingan menyelaraskan inisiatif inovasi UBD dengan keperluan industri untuk memajukan pendidikan keusahawanan.

Penerima bagi Pameran Terbaik ialah World Dementia Month at UBD-BSAI from the Perspectives of Social Science : An Opportunity for Interdisciplinary Collaboration yang dipamerkan oleh Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB); manakala Projek Inovatif Terbaik diberikan kepada Smart Fresh, Netjaga, Hijrah, dan Hasil.

UBD terus komited untuk memupuk bakat tempatan, memperjuangkan inovasi dan menyokong keusahawanan sebagai pemangkin untuk kemajuan ekonomi.

# Tangani gejala buli dalam kalangan pelajar



PENGARAH Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang hadir selaku tetamu kehormat majlis.

**SENGKURONG**, Khamis, 7 November. - Buli siber merupakan salah satu bentuk buli yang berlaku melalui platform digital seperti media sosial, aplikasi pemesejan dan laman sesawang.

Kejadian buli siber boleh meninggalkan kesan mendalam terhadap mangsa, termasuk tekanan emosi, gangguan mental dan dalam kes yang lebih serius, ia boleh membawa kepada kemurungan.

Perkara berkenaan antara yang dinyatakan oleh Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Dayang Nor Zaiham Midawati binti Haji Abdullah dalam ucapan alu-aluannya semasa Majlis Pelancaran Program Minggu B.E.S.T (Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab) Kementerian Pendidikan Tahun 2024 bertempat di Multimedia Theatre, Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

Menurut Dr. Hajah Dayang Nor

Zaiham Midawati lagi, Program Minggu B.E.S.T merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan dalam usaha membendung dan mencegah gejala buli terutamanya buli siber agar tidak berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah.

Tambahnya, gejala atau kejadian buli terutamanya buli siber yang berlaku di institusi pendidikan dan di tempat kerja sangat membimbangkan pada masa ini kerana gejala buli siber yang berlaku sebahagiannya tidak dapat dibendung sepenuhnya oleh pihak sekolah tanpa ada kerjasama daripada semua pihak.

Beliau seterusnya berkata, sebagai salah satu usaha untuk membanteras gejala buli berkenaan daripada mengancam keselamatan dan keharmonian sesebuah sekolah, program kesedaran mengenai buli siber dirancang dan diperkenalkan dalam memberi kesedaran tentang

bahaya dan kesan buli siber kepada warga sekolah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran Program Minggu B.E.S.T berkenaan, Pengarah Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Ahmad Harith Irfan bin Haji Umar dan pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba.

Majlis diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan.

Setelah itu, majlis disusuli dengan pelancaran Program Minggu B.E.S.T yang disempurnakan menerusi tayangan klip video kesedaran mengenai buli siber oleh tetamu kehormat majlis, diikuti forum bertajuk 'Buli Siber Dari Perspektif Sivil dan Syariah' selaras dengan tema Program Minggu B.E.S.T tahun ini, iaitu 'Kesedaran Mengenai Buli Siber'.

Ahli-ahli panel forum terdiri daripada Ketua Unit Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Hajah Dayang Masiriyanti binti Haji Awang Mashor; Ketua Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Pasukan Polis Diraja Brunei, DSP Norkhatijah binti Haji

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



ANTARA ahli panel bagi forum bertajuk 'Buli Siber Dari Perspektif Sivil dan Syariah'.

Zainal; Pengurus Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI), Dayang Nur Syamimi binti Suhaimi; dan Penasihat Undang-undang dan Pegawai Pendakwa Raya, Pejabat Peguam Negara, Dayang Sabrina binti Haji Mahmud.

Majlis diakhiri dengan penyerahan Poster Kesedaran Mengenai Buli Siber kepada para pemimpin sekolah yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Program Minggu B.E.S.T adalah inisiatif berterusan Kementerian Pendidikan dalam usaha membendung dan mencegah gejala buli termasuk buli siber agar tidak berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah.

Program berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan dengan penyebaran maklumat khusus untuk mendidik para pelajar mengawal diri agar isu buli siber dapat dielakkan.

Selain itu, program berkenaan juga mendedahkan pelajar kepada bahaya buli siber dan kesan buruk, dengan harapan dapat melahirkan pelajar yang berdisiplin, saling menghormati serta mempunyai peribadi dan akhlak yang baik.

Program dianjurkan bersempena Hari Antarabangsa Menentang Keganasan dan Buli di Sekolah Termasuk Buli Siber yang ditetapkan oleh pihak International Day Against Violence and Bullying at School Including Cyberbullying (UNESCO) yang jatuh pada setiap Khamis Pertama dalam bulan November setiap tahun.

Forum bagi Program Minggu B.E.S.T tahun ini dikendalikan bersama oleh Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan dan JPI, KHEU melalui Program Keagamaan Senegara (PKS) jabatan berkenaan.

Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan, para pemimpin sekolah dan pelajar.

## BEDAH KARYA 2024 : MENGANGKAT MARTABAT BAHASA MELAYU MELALUI KEGIATAN SASTERA



PEMANGKU Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit hadir selaku tetamu khas pada Pantaran Sastera DBP : Bedah Karya 2024 (atas), manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, sekitar majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 November. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Sastera dan Majalah pagi tadi mengungkayahkan Pantaran Sastera DBP : Bedah Karya 2024, bertempat di Pentas Utama, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Ia juga turut diadakan secara penstriman langsung melalui Facebook DBP.

Hadir selaku tetamu khas, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang

Damit. Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin.

Sebanyak dua buah karya sastera diapresiasi melalui dua sesi, iaitu Sesi 1 : Bedah Karya Kumpulan Sajak Rahsia Huruf karya Nazwan Karim, yang dibicarakan oleh Penolong Pensyarah Program

Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Syahwal Nizam bin Haji Yani; manakala Sesi 2 : Bedah Karya Kumpulan Sajak Istirahat Hati karya A. Amin, yang

dibicarakan Awangku Muhammad Nur Safiuddin bin Pengiran Haji Harun, Pasca Siswazah Kesusasteraan Melayu, UBD; dan Ahli Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei Darussalam.

Projek berkenaan diadakan bertujuan untuk mengembangkan kegiatan sastera di Negara Brunei Darussalam dalam mengapresiasi karya sastera, mengangkat martabat bahasa Melayu melalui kegiatan sastera, memberi kefahaman dan penghayatan terhadap perkembangan sastera tanah air, menjadi sumber rujukan dan panduan para pelajar, peminat sastera dan memperkaya ilmu pengetahuan dalam bidang sastera yang dibicarakan.

Pada tahun ini, Projek Bedah Karya memilih dua buah karya baru terbitan DBP, juga merupakan Alumni Opera (Organisasi Program Penulisan Mastera). Hasil pembicaraan karya sastera berkenaan nanti, akan dimuatkan dalam jurnal Pangguna, Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara sebagai sumbangan sastera terhadap pembinaan dan pengembangan sastera tempatan.

Di samping itu, projek berkenaan diusahakan bagi memperkenalkan tokoh-tokoh penulis dan karya sastera tempatan serta dimanfaatkan bersama oleh para intelektual sastera, pengkaji, penulis dan peminat sastera.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



# KUKUHKAN HUBUNGAN DUA HALA DALAM BIDANG KEHAKIMAN SYARIAH



Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Rayuan Syariah



MAHKAMAH Syariah Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa menghadiri Muzakarah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seluruh Malaysia 2024 dan Perbincangan Dua Hala Bersama Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (kiri dan kanan).

**MALAYSIA**, Rabu, 6 November. - Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam (NBD) menghadiri Muzakarah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seluruh Malaysia 2024 dan Perbincangan Dua Hala Bersama Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Muzakarah berkenaan merupakan langkah ke hadapan bagi kerjasama antara NBD dan Malaysia dalam bidang perundungan dan kehakiman Syariah melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Mahkamah-mahkamah Syariah dan Jabatan Kehakiman Syariah

Malaysia (JKSM) dalam bidang Kehakiman Syariah yang telah dilaksanakan.

Muzakarah berkenaan merupakan anjuran Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod (BPKR), JKSM yang melibatkan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah seluruh Malaysia.

Muzakarah berkenaan diadakan di Hotel Tenera, Bangi Selangor, Malaysia dan dihadiri oleh

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Haji Muhammad Bahrin bin Haji Alias.

Dalam masa yang sama, Yang Arif Haji Muhammad Bahrin juga mengadakan Perbincangan Dua Hala Bersama Yang Arif

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Melalui muzakarah dan perbincangan berkenaan diharap akan dapat mengeratkan lagi hubungan yang kukuh khususnya dalam bidang kehakiman syariah di antara NBD dan Malaysia.

## Mengukuhkan kefahaman peranan kepimpinan seorang Muslim



Haji Abd. Majid @Vieana. Juga diadakan, beberapa taklimat, bengkel, aktiviti dan sesi pembentangan daripada fasilitator yang terdiri daripada kalangan Ahli Jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie.

Majlis penutup diserikan lagi dengan beberapa siri pembentangan Da'ie Open Mic dan tayangan video.

Objektif program adalah bagi mengaktifkan peranan belia da'ie sebagai pertubuhan belia yang bertanggungjawab melaksanakan dakwah dan *Al-Amr bil ma'ruf wan Nahyu anil Munkar* terutama sekali bagi para pelajar Institusi Pengajian Tinggi di negara ini.

Di samping itu, membantu membentuk kefahaman siswa dan siswi tentang peranan kepimpinan sebagai seorang Muslim, mempraktikkan daya kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai *role model* yang utama, meningkatkan kemahiran dan keyakinan kepimpinan melalui komunikasi berikhmah.

Selain itu, untuk menerapkan rasa tanggungjawab, suka berkhidmat dan proaktif dalam melaksanakan tugas secara jujur, amanah dan dedikasi. Program juga diharap akan dapat mengukuhkan kesedaran tentang peranan mereka sebagai umat Islam dalam menjadi *qud wah hasanah* kepada siswa dan siswi yang lain.

PEMANGKU Pengetua ITQSHHB, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 7 November. – Program Motivasi dan Kepimpinan Islam bagi Siswa-siswi Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) berakhir petang tadi dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bertempat di Dewan Kuliah, institut berkenaan, di sini.

Program yang diunggulkan selama dua hari bertempat di Pusat Da'wah Islamiah (PDI) berkenaan adalah kendalian Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, PDI dengan kerjasama ITQSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian

sijil dan hadiah, Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof.

Program Motivasi dan Kepimpinan Islam berkenaan disertai oleh seramai 75 penuntut dalam kalangan siswa dan siswi Tahun 1 dan Tahun 2, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at, ITQSHHB.

Terdahulu, satu sesi perkongsian yang membawakan tema 'Budaya Jahiliyyah di Era Digital : Adakah Kita Sedang Kembali Ke Masa Lalu?' telah disampaikan oleh Penceramah Bertauliah dari Majlis Ugama Islam Brunei dan Ahli Jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie, Dayang Siti Hurul-Ain Diyana binti

SEKITAR Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bertempat di Dewan Kuliah, institut berkenaan (atas kanan dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ihsan Pusat Da'wah Islamiah



# KEPENTINGAN AKREDITASI ISO/IEC 17025 BAGI MAKMAL UJIAN, KALIBRASI



**PEMANGKU** Pengarah Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayangku Hajah Nadiah Annasitah binti Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar semasa berucap dan bergambar ramai pada bengkel berkenaan (atas kanan dan atas).

**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam**

**GADONG**, Khamis, 7 November. - Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (PSABD), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama dua hala bersama Jabatan Standard Malaysia (JSM), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia (MITI) mengadakan Bengkel ISO/IEC 17025:2017-General Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories yang diadakan pada

5 hingga 7 November 2024, bertempat di The Centrepoint Hotel, Gadong.

Bengkel berkenaan dilaksanakan bersempena dengan Hari Akreditasi Sedunia 2024 dan ia merupakan salah satu usaha pusat berkenaan dalam mempromosi budaya kerja berkualiti bagi makmal-makmal ujian dan kalibrasi tempatan dengan melaksanakan sistem pengurusan kualiti makmal berlandaskan ISO/IEC

17025:2017.

Hari Akreditasi Sedunia yang disambut pada setiap 6 Jun berkenaan merupakan sebuah inisiatif global yang diterajui oleh The International Accreditation Forum (IAF) dan International Laboratory Accreditation Cooperation (ILAC) untuk mempromosi kepentingan akreditasi.

Tema tahun ini, 'Akreditasi : Memperkasakan Hari Esok dan Membentuk Masa Depan', memperlihatkan pentingnya peranan akreditasi dalam inovasi teknologi, transformasi digital dan

pembangunan yang mampu.

Turut hadir bagi merasmikan bengkel berkenaan, Pemangku Pengarah PSABD, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayangku Hajah Nadiah Annasitah binti Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar.

Dayangku Hajah Nadiah Annasitah dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan bengkel berkenaan dalam memperkuuh pemahaman mengenai Standard ISO/IEC 17025:2017 bagi memastikan makmal beroperasi secara cekap dan kompeten.

Menurutnya, akreditasi juga mencerminkan komitmen makmal memenuhi kecekapan teknikal dalam menghasilkan keputusan makmal yang tepat kepada pelanggan dan pihak berkepentingan.

Manakala Pengarah Akreditasi JSM, Wan Rukiman Wan Mamat, yang juga selaku Fasilitator Bengkel menerangkan mengenai PBD ISO/IEC 17025:2017 dengan penekanan terperinci pada setiap klausus standard berkenaan.

Bengkel turut membincangkan aspek praktikal seperti ketaksamaan, kawalan dokumen, audit dalaman, penilaian risiko, ketidakpastian pengukuran, semakan pengurusan dan penambahbaikan berterusan yang akan membantu meningkatkan



keberkesan dan kecekapan dalam perkhidmatan penilaian konformiti makmal.

Bengkel tiga hari berkenaan dihadiri 30 peserta terdiri daripada wakil Badan-badan Penilaian Konformiti (CAB) yang berdaftar di PSABD yang terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan, Institusi Pengajaran Tinggi dan syarikat-syarikat swasta.

Bengkel diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta.

PSABD kekal komited untuk mempromosi budaya kualiti dan kecemerlangan dalam komuniti makmal ujian dan kalibrasi tempatan. Dengan menganjurkan bengkel sedemikian, PSABD berhasrat untuk memperkasa makmal-makmal di NBD untuk mencapai dan mengekalkan piawaian kecekapan teknikal tertinggi.

## Kongsi ilmu kerjaya bidang undang-undang



**UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)** melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) semasa menganjurkan Taklimat Kerjaya bertajuk 'Kerjaya Sebagai Pengamal Undang-undang (Syariah dan Sivil)' di Negara Brunei Darussalam' (atas dan kiri).

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

beliau percaya bahawa setiap cabaran adalah peluang untuk seseorang berkembang dan meningkatkan diri dalam bidang yang diceburi.

Awang Muhammad Jafni Fakhruillah juga turut memberi nasihat yang bernilai kepada peserta mengenai bagaimana untuk mengatasi cabaran dalam kerjaya guaman.

Antara nasihat utama yang dikongsikan beliau ialah tunjukkan bahawa awda boleh melakukan lebih daripada apa yang diharapkan dan berikan lebih daripada apa yang diminta.

Menurutnya, setiap cabaran yang datang dalam kerjaya awda adalah peluang untuk belajar dan berkembang serta jangan sesekali berputus asa atau bersangka buruk terhadap rezeki yang diberikan.

Taklimat berkenaan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para alumni dan pelajar UNISSA mengenai tanggungjawab, peranan dan etika sebagai pengamal undang-undang di Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 7 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) menganjurkan Taklimat Kerjaya bertajuk 'Kerjaya Sebagai Pengamal Undang-undang (Syariah dan Sivil)' di Negara Brunei Darussalam'. Program berkenaan merupakan kerjasama antara OCeAN dan Firma Guaman Hasnah Hassan and Associates.

Seramai 70 peserta terdiri daripada alumni, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA mengikuti taklimat yang diadakan di Auditorium, UNISSA, Gadong.

Taklimat Kerjaya berkenaan dimulakan dengan taklimat pertama yang disampaikan oleh Pegum Kanan dan Pengarah Urusan Firma Guaman Hasnah Hassan and Associates, Dayang Hajah Hasnah binti Hassan.

Dayang Hajah Hasnah dalam

taklimatnya mengongsikan pengalaman luas beliau dalam industri guaman dengan menekankan pentingnya integriti, sikap hormat-menghormati dan memegang prinsip jujur dan ikhlas dalam setiap urusan pekerjaan.

Beliau juga turut menasihatkan agar para peserta tidak bersikap sompong dan sentiasa menjaga adab dan etika kerja.

Manakala sesi kedua pula disampaikan oleh Hajah Dayang Aziimah binti Haji Mohammad Hambali, iaitu rakan kongsi di firma yang sama.

Hajah Dayang Aziimah turut memberi panduan berguna kepada peserta tentang bagaimana cara-cara untuk membina kemahiran yang diperlukan dalam bidang guaman.

Beliau juga menekankan ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi seorang *intern* yang baik, selain penguasaan kemahiran teknikal

dan komunikasi adalah penting dalam kerjaya guaman.

Di samping itu, beliau turut menekankan kepentingan untuk keluar daripada keselesaan dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang kerjaya.

Pada sesi kedua, peserta berpeluang untuk mengajukan soalan secara langsung kepada fasilitator. Sesi soal jawab berkenaan mendapat sambutan yang sangat positif daripada peserta.

Selain itu, Pegum Syarie, Awang Muhammad Jafni Fakhruillah bin Haji Jabidi, turut berkongsi pengalaman peribadi beliau sebelum bergelar pegum serta perjalanan beliau dalam menangani pelbagai kes undang-undang.

Beliau menegaskan untuk tidak berputus asa dan menyerah dalam mencari pekerjaan kerana itu adalah kunci untuk berjaya dan

(NBD).

Di samping itu, ia bertujuan untuk menarik minat dan meningkatkan semangat alumni serta pelajar dalam pemilihan kerjaya sebagai pengamal undang-undang, selain berfungsi sebagai platform untuk berkongsi ilmu kerana manfaatnya termasuk pendedahan kepada amalan undang-undang yang boleh digunakan dan diadaptasi oleh peserta dalam profesion berkenaan.

Melalui taklimat kerjaya berkenaan, para peserta dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai kerjaya dalam bidang undang-undang dan mendapat inspirasi untuk memilih kerjaya berkenaan sebagai pilihan masa depan.

Dengan adanya taklimat berkenaan, diharapkan dapat membekalkan alumni dan pelajar UNISSA dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam kerjaya mereka sebagai pengamal undang-undang di NBD.

# Larangan Rokok dan Merokok: Menolak Kemudarat Sejagat

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 06 Jamadilawal 1446H bersamaan 08 November 2024M



Agama Islam melarang umatnya daripada melakukan perkara-perkara yang boleh memberi kesan yang tidak baik dan mudarat kepada kesihatan

Rokok elektronik atau vape juga boleh membahayakan kesihatan antaranya:

## Ketagihan Nikotin

Boleh meningkatkan risiko ketagihan



## Kesan kepada remaja

Menjejaskan perkembangan otak



## Kerosakan paru-paru

Kcederaan paru-paru yang serius



## Risiko kepada jantung

Meningkatkan risiko penyakit jantung dan strok



## Pendedahan Aerosol pasif

Mendedahkan bahan kimia berbahaya kepada orang sekeliling



## FATWA MUFTI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- ✓ Dihukumkan rokok dan merokok itu adalah haram
- ✓ Penggunaan vape adalah haram menurut syarak



# دعا ممohen كقد الله سقايي قرسلامة درقد بلاء دان سکل جنیس چاکیت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنْنَا وَبِاللَّهِ  
أَحْتَثْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعَزَّةِ وَالْجَيْرَوَتِ.  
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَبَبِي  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدٌ  
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ يَشْفَعُ عَنَّاهُ  
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسَعْ كُرْسِيهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ  
حَفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٦٥﴾

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ  
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَخُسْنُ الْحَوَائِجُ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdikan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدَنِّي،  
فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ وَلَا يَغْفِرُ الْذُنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanat yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْر بِچاءِنْ يَعْ مُبَاوا اَكْبَر او نَتوْعْنْ سَاعَتْ بَسْر كَفْد قَعْمَلْنْ ( تَولُقْ بَلَاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَسِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)



# Larangan rokok dan merokok : Menolak kemudarat sejagat

Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 :

**Tafsirnya :** "Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan".

Adapun antara amalan buruk yang boleh memudaratkan kesihatan tubuh badan dan nyawa itu ialah merokok. Bahaya dan mudarat yang disebabkan oleh rokok telah diperakui oleh pakar-pakar kesihatan. Oleh sebab itu, pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak yang berkenaan bagi menghindari manusia daripada mendapat mudarat yang disebabkan oleh rokok dan merokok.

Ancaman bahaya rokok bukan saja terbatas kepada perokok itu sendiri, iaitu perokok aktif, bahkan ia juga menular kepada orang yang tidak merokok yang terhadu asap rokok atau lebih dikenali sebagai perokok pasif. Asap rokok yang mereka sedut tidak bertapis dan mengandungi tiga kali lebih tar, tiga kali lebih nikotin, lima kali lebih Karbon Monoksida dan 50 kali lebih kimia yang menyebabkan kanser. Bahaya merokok tembakau telah diketahui sejak sekian lama. Namun, masih ada yang enggan berhenti merokok malah sebaliknya menurutkan hawa nafsunya. Ingatlah, kesihatan dan seluruh anggota tubuh yang kita gunakan ini adalah nikmat yang tidak termilai daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Selain itu, apa yang membimbangkan kini, penggunaan rokok elektronik atau vape sudah menjadi sebahagian daripada gaya hidup masyarakat global terutama generasi muda. Ketahuilah, rokok elektronik atau vape ini juga tidak kurang bahayanya. Rokok elektronik atau vape juga boleh membahayakan kesihatan, antaranya :

**Pertama** : Ketagihan nikotin. Kebanyakan cecair vape mengandungi nikotin, dadah yang boleh menyebabkan ketagihan. Penggunaan vape boleh meningkatkan risiko ketagihan, terutamanya dalam kalangan golongan muda yang lebih terdedah kepada kesan nikotin.

**Kedua** : Kerosakan paru-paru. Penggunaan vape boleh menyebabkan

kecederaan paru-paru yang serius. Pengguna vape berisiko mengalami penyakit paru-paru yang berpuncak daripada penyedutan bahan kimia berbahaya dalam cecair vape.

**Ketiga** : Risiko kepada jantung. Nikotin dalam vape boleh meningkatkan tekanan darah dan seterusnya meningkatkan risiko penyakit jantung dan strok.

**Keempat** : Kesan kepada remaja. Vape sangat berbahaya bagi remaja kerana nikotin boleh menjadikan perkembangan otak, seterusnya memberi kesan negatif kepada proses pembelajaran dan ingatan pada otak serta meningkatkan risiko masalah kesihatan mental. Penggunaan nikotin semasa usia muda juga boleh membawa kepada ketagihan yang berpanjangan. Selain itu, remaja yang menggunakan vape juga lebih cenderung untuk mula merokok.

**Kelima** : Pendedahan Aerosol pasif. Aerosol yang dihasilkan oleh vape mendedahkan bahan kimia berbahaya kepada orang sekeliling yang tidak menggunakan vape dan meningkatkan risiko kesihatan mereka.

Penggunaan tembakau di peringkat global menyumbang kepada lebih 8 juta kematian setiap tahun. Lebih daripada 7 juta kematian tersebut adalah dalam kalangan pengguna tembakau dan 1 perpuluhan 2 juta akibat pendedahan kepada asap rokok pasif.

Jika kita merujuk fatwa-fatwa dan pandangan para ulama Muasirin (terkini). Di dapat perbuatan merokok itu adalah dihukumkan haram kerana mempunyai banyak keburukan serta mendatangkan kemudarat kepada kesihatan masyarakat. Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam Buku Rokok dan Merokok ada menjelaskan :

"Jadi cukup jelas, dari segi mudarat atau kemudarat, tidak ada lagi alasan untuk meringankan hukum rokok dan merokok ini, kita tidak boleh mengambil ringan dengan terus membiarkan kebinasaan menimpah umat manusia disebabkannya kerana agama Islam itu sendiri adalah agama selamat serta penyelamat. Maka oleh hal yang demikian, bersandarkan hujah-hujah syarak serta alasan-alasan saintifik yang kuat, maka dihukumkan rokok dan

merokok itu adalah haram".

Begitu juga dalam Buku Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2016 yang menyebutkan penggunaan vape adalah haram menurut syarak kerana boleh membawa kerosakan dan kemudarat tubuh badan serta menghancurkan matlamat syarak dalam kehidupan manusia.

Marilah kita sama-sama berusaha menjadikan Negara Brunei Darussalam bebas daripada tembakau, asap rokok dan vape. Amalkanlah cara hidup sihat dan jauhilah rokok serta vape. Tunjukkanlah teladan yang baik kepada orang sekeliling, terutamanya anak-anak, ahli keluarga dan sahabat handai dengan menghindarkan penggunaan rokok dan vape. Lindungilah mereka daripada bahaya asap rokok pasif.

Berikanlah sokongan kepada individu, ahli keluarga, sahabat handai dan mereka yang ingin berhenti merokok atau berhenti menggunakan vape. Di Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kesihatan telah menyediakan Klinik Berhenti Merokok di pusat-pusat kesihatan di setiap daerah bagi memberikan khidmat kaunseling kepada mereka yang memerlukannya. Marilah kita sama-sama memperbaiki diri untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara, seterusnya menyumbang kepada masa depan yang lebih sihat dan mampu bagi semua.

Ingatlah, bahawa bahaya merokok boleh membawa maut, bukan sahaja kepada perokok, bahkan juga orang yang berhampiran dengan perokok. Oleh itu, sama-sama kita mengambil langkah yang wajar dalam membanteras daripada meluasnya gejala merokok, kita berdoa semoga usaha kita diberkati Allah Subhanahu Wata'ala serta kehidupan kita bahagia dan selamat di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya :** "Kemudian Kami menjadikan engkau (wahai Nabi Muhammad) berada di atas suatu syariat (jalan yang lurus) tentang urusan agama maka ikutlah syariat itu dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (kebenaran)". (Surah Al-Jathiyah, ayat 18)

**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Antara nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita ialah kesihatan. Maka sebagai hamba-Nya yang beriman kita hendaklah mensyukuri nikmat tersebut dengan menjaga dan memelihara kesihatan dengan sebaik-baiknya. Daripada Salamah bin Ubaidillah Radiallahuanhu daripada ayahnya dia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Sesiapa dalam kalangan kamu memasuki waktu pagi dalam keadaan aman pada jiwanya, sihat tubuh badannya, mempunyai (cukup) makanan hariannya, maka seolah-olah dia memiliki dunia ini". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Oleh sebab itu, agama Islam melarang umatnya daripada melakukan perkara-perkara yang boleh memberi kesan yang tidak baik dan mudarat kepada kesihatan. Allah Subhanahu Wata'ala melarang dengan tegas dan sekeras-kerasnya daripada menghampiri apa-apa yang memudaratkan bahkan menyuruh membanterasnya apatah lagi yang menjadi pemusnah kepada jiwa. Allah

## Pilih Islam sebagai pegangan hidup

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



LAFAZ dua kalimah syahadah oleh Subas Chandra Sutradar yang kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Muhammad Anas bin Abdullah.

**SUNGAI AKAR**, Khamis, 7 November. - Hasrat seorang lelaki warga Bangladesh, Subas Chandra Sutradar, 26 tahun, untuk memeluk agama Islam kini tercapai setelah beliau sempurnanya melafazkan dua

kalimah syahadah dan ikrar pengislamannya malam tadi.

Majlis Pengislamannya berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolqiah (MRSB), Kampung Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam@Erman bin Haji Abd. Rahman.

Turut hadir, Penaung Bersama Ahli Jawatankuasa Takmir MRSB, Kampung Sungai Akar, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafadz dua kalimah syahadah oleh Subas Chandra Sutradar yang kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Muhammad Anas bin Abdullah. Majlis Pengislamannya disempurnakan di hadapan pegawai dan kakitangan Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada saudara baru yang diraikan, dan acara diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat. Sejak awal Januari 2024 hingga 6 November 2024, seramai 270 orang yang telah memeluk Islam di Negara Brunei Darussalam.

**Jangan Memandu Laju Sentiasa Berwaspada**

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

# KEPULANGAN KONTINJEN MALBATT BAGI PENERBANGAN PERTAMA TIBA DI MALAYSIA



■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**MALAYSIA**, Jumaat, 8 November.- Penerbangan pertama bagi kepulangan Kontinjen Malaysian Battalion (MALBATT) 850-11 bagi Misi Pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) yang terdiri daripada 196 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan 10 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang diketuai oleh Leftenan Madya Mohammad Iqbal bin Awang Sidik selamat tiba di Pangkalan Udara Subang, Malaysia, pagi ini.

Hadir bagi mengalung-alungan kepulangan mereka ialah Penolong Ketua Staf J3, Markas Angkatan Bersama ATM (PKS J3 MAB ATM), Yang Berbahagia Mejai Jeneral Dato' Tong Veng Leong.

Upacara Perbarisan dimulai dengan tabik hormat daripada kontinjen, diikuti dengan Lagu ATM serta ucapan dari PKS J3 MAB ATM. Seruan 'Gempur Wira' mengakhiri perbarisan dan disusuli dengan bacaan doa.

Penerbangan kepulangan bagi MALBATT 850-11 yang seterusnya terdiri daripada 206 anggota ATM dan lapan anggota ABDB akan dijadualkan berlepas dari Lubnan ke Malaysia pada Isnin, 11 November 2024.



**PENOLONG Ketua Staf J3, Markas Angkatan Bersama ATM (PKS J3 MAB ATM), Yang Berbahagia Mejai Jeneral Dato' Tong Veng Leong dan Penasihat Pertahanan Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Malaysia hadir ke upacara berkenaan (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Penasihat Pertahanan NBD ke Malaysia menyambut anggota ABDB dari MALBATT 850-11 dari penerbangan kepulangan pertama. Sementara gambar kanan, anggota MALBATT 850-11 bersalaman setelah keluar dari pesawat.**

Kesemua anggota akan ditempatkan di MALBATT Village, Port Dickson terlebih dahulu sehingga keseluruhan anggota MALBATT 850-11 kembali ke Malaysia.



## Pelancaran Buku Bunga Rampai : Undang-undang Keluarga Islam



**BERAKAS**, Jumaat, 8 November.- Majlis Pelancaran Buku Bunga Rampai : Undang-undang Keluarga Islam telah diadakan baru-baru ini di Pentas Utama, Pesta Buku Brunei 2024, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Buku tersebut telah dilancarkan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Negara Brunei Darussalam (NBD), Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Majlis Pelancaran itu turut dihadiri oleh Ketua Bahagian Pemasaran Penerbit USM, Mohd Zaidi bin Abdullah, mewakili Penerbit USM dan Awang Haji Mohammad Yunus bin Haji Mohd Salleh, Pengurusan dan Penerbit Syarikat Penerbitan Seni Kreatif Production mewakili penulis buku.

Majlis ini turut juga dihadiri oleh para pegawai dari Mahkamah



**PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit hadir pada Majlis Pelancaran Buku Bunga Rampai : Undang-undang Keluarga Islam yang diadakan baru-baru ini (atas kanan dan atas kiri).**

■ Siaran Akbar dan Foto : Penerbit USM

yang mudah dijadikan rujukan oleh pelbagai pihak.

Ia membincangkan dengan teliti isu perkahwinan, poligami, perceraian, pembubaran perkahwinan, tuntutan selepas perceraian dan juga isu-isu terkini termasuk LGBTQ, Monkey Pox, narsisis dalam rumah tangga, ajaran sesat dan sebagainya.

Buku sebegini memang jarang ditulis kerana idea dan ilham buku ini adalah sangat unik dan berlainan daripada buku undang-undang keluarga Islam yang terdapat di pasaran.

Penerbit USM berharap buku ini dapat dijadikan rujukan oleh

pelajar jurusan undang-undang di negara ini kerana kes-kes yang dibincangkan di dalam buku ini juga melibatkan kes-kes di NBD dan Malaysia.

Buku ini juga menerangkan keindahan undang-undang keluarga Islam Brunei yang mana membolehkan pihak yang bukan Islam menuntut keadilan di Mahkamah Syariah.

Jelas sekali buku ini juga menaikkan nama baik perundangan keluarga Islam di NBD.

Penerbit USM merupakan sebuah penerbit universiti awam di Malaysia yang aktif menerbitkan

pelbagai jenis buku ilmiah dan jurnal bermutu tinggi serta imprint USM Popular.

Penerbit USM berusaha agar setiap karya yang diterbitkan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Ini dilaksanakan melalui jenama pemasaran Penerbit USM, iaitu ekosistem Emdash yang terdiri daripada kedai buku; Emdash Bookstore, platform e-Dagang; Emdash.my serta platform bual bicara dalam talian The Emdash Show.

Dalam bidang jurnal pula, Penerbit USM mempunyai 15 jurnal, dengan 14 jurnal telah diindeks di Scopus dan 11 di Web of Science.

# PUPUK KEMAHIRAN LITERASI DIGITAL WARGA EMAS



SEBAHAGIAN Ahli Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara bergambar ramai semasa hadir pada acara berkonaan.

**Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 8 November. - Digital Brunei berjaya menjalankan program jangkauan komuniti keempatnya, menunjukkan komitmennya untuk memupuk kemahiran literasi digital dan kesedaran dalam kalangan warga emas di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis tersebut telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan 2 dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara (PKWE DBM).

Seramai lebih 50 Ahli PKWE DBM hadir pada acara tersebut bagi tujuan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan digital dalam kalangan warga emas dan memberikan pandangan praktikal tentang aplikasi digital tempatan.

Sesi tersebut termasuk pembentangan daripada Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) mengenai kepentingan pendaftaran Kad SIM untuk memerangi penipuan, diikuti dengan pembentangan Pasukan

Polis Diraja Brunei (PPDB) mengenai statistik jenayah siber dan kajian kes di NBD.

Cyber Security Brunei (CSB) turut membentangkan, mengetengahkan langkah-langkah keselamatan untuk mencegah penyalahgunaan Kecerdasan Buatan (AI) untuk penipuan.

Progresif Sdn. Bhd. turut mempamerkan dompet digital mereka, 'Ding!', diikuti dengan pembentangan oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), bagi meningkatkan kesedaran tentang etika digital dan penipuan dalam talian biasa yang menjelaskan pelanggan mereka.

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pula mengakhiri dengan demonstrasi aplikasi Mushaf Brunei iaitu aplikasi mudah alih yang membolehkan umat Islam mengakses Al-Quran dengan mudah.

Adapun sesi bermaklumat ini diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan dan bimbingan praktikal untuk membantu warga emas menavigasi landskap digital dengan selamat.

Melangkah ke hadapan, Digital Brunei menyasarkan untuk meneruskan jangkauan dengan PKWE di daerah-daerah lain, dengan harapan untuk meluaskan program kepada komuniti terdedah, menegakkan komitmennya untuk merapatkan jurang digital dan memupuk rangkuman digital di seluruh negara.

Digital Brunei merupakan inisiatif Majlis Ekonomi Digital, yang



ANTARA yang menyampaikan taklimat.

difasilitasi oleh AITI dengan tujuan memperkasakan masyarakat melalui teknologi digital dalam usaha mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif secara digital.

Inisiatif ini juga bertujuan untuk mewujudkan NBD sebagai sebuah negara yang memupuk inovasi dan

teknologi digital dengan meningkatkan kesedaran tentang usaha pendigitalan negara. Digital Brunei komited untuk menyelaraskan objektifnya dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 dan menyokong Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

## Kaji Selidik NHANSS-3 masih dijalankan

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 8 November. - Kaji Selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Kali Ke-3 (NHANSS-3) sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada ketika ini.

Sehubungan itu, mana-mana kediaman yang terpilih, kerjasama awda dalam kaji selidik ini adalah penting dan sangat dihargai di mana maklum balas yang telah diberikan akan memainkan peranan penting dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat dan setentunya memperkuuhkan lagi sistem kesihatan negara.

Justeru, bagi mana-mana individu atau kediaman yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kaji selidik ini, sebagai tanda penghargaan, awda berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah menarik seperti tiket penerbangan, telefon pintar, televisyen dan banyak lagi.

Untuk mengetahui perkembangan terkini, awda boleh ikuti akaun media sosial Pusat Promosi Kesihatan dan Kementerian Kesihatan di Instagram iaitu @hpcbrunei dan @mohbrunei manakala di Facebook, Health Promotion Centre dan Ministry of Health, Brunei Darussalam.

Selain itu, bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai kaji selidik ini, awda juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123.

@kheu.brunei  
كمترین كصحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

Royal Brunei Airlines

43" Google TV X1 4K Proresor 4K X-Reality

SERTAI & MENANG!

## 57 peserta bertanding di Musabaqah Membaca Al-Quran

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 November. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan merupakan laluan permulaan dan medan untuk para qari dan qariah negara melangkah ke peringkat akhir, serantau dan antarabangsa.

Penganjuran musabaqah berkenaan dihasrat akan dapat memberi pendedahan dan galakan kepada qari dan qariah negara ini dalam meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran mereka, di samping membuka minda dan minat masyarakat dalam mempelajari teknik bacaan yang betul dan lebih teratur.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan merupakan projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, Musabaqah Membaca Al-Quran

Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi akan diadakan selama tiga hari berturut-turut, iaitu pada Isnin, Selasa dan Rabu, 9 hingga 11 Jamadilawal 1446H bersamaan 11 hingga 13 November 2024M.

Manakala Majlis Pengumuman Keputusan Musabaqah akan diadakan pada Khamis, 12 Jamadilawal 1446H bersamaan 14 November 2024M bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seramai 57 peserta terdiri daripada 46 qari dan 11 qariah akan memperdengarkan bacaan masing-masing pada hari pertama hingga hari terakhir pertandingan.

Bagi memberi peluang orang ramai untuk mengikuti musabaqah berkenaan, penstriman langsung boleh diikuti melalui akaun Instagram rasmi KHEU

@kheu.brunei.  
Di samping itu, Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah dan Cenderamata kepada para peserta dan hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M pada Khamis, 12 Jamadilawal 1446H bersamaan 14 November 2024M juga akan disiarkan secara penstriman langsung melalui Rangkaian Radio Nur Islam, Radio Televisyen Brunei.

Sama-sama kita memajukan dan mengembangkan lagi bidang pembacaan serta penghayatan Al-Quran dan seterusnya mendorong masyarakat ke arah celik ilmu-ilmu Al-Quran di samping sebagai wadah dan zikir untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta merafakkan doa untuk memohon pertolongan kepada-Nya dan juga peringatan supaya kita semua jauh daripada kelalaian.



**suruhanjaya kerja raya awam**  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
WWW.SPA.GOV.BN | WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

**Panduan Memohon Jawatan Kosong Menggunakan PSCR 2.0**

**SILA DAFTAR SEKARANG**

**30 NOVEMBER 2024, HARI SABTU**  
**9.00 PAGI / 2.00 PETANG**  
**DEWAN TKT 1, WING A, BANGUNAN SPA**

**ISI KANDUNGAN TAKLIMAT:**

- PENGENALAN PSCR RECRUITMENT 2.0
- TATACARA MENGGUNAKAN PORTAL PSCR 2.0 DAN MELENGKAPKAN PROFIL
- TATACARA MEMOHON JAWATAN KOSONG DI PERKHIDMATAN AWAM DENGAN BETUL
- KESALAHAN-KESALAHAN DI DALAM AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
- SESI SOAL JAWAB

**BARU**

Imbas kod QR atau layar pautan di bawah  
<https://bit.ly/TAKLIMATPSCR24>  
untuk membuat pendaftaran



**suruhanjaya kerja raya awam**  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM**

**MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIANTUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)**

**PERINGATAN PENTING**

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.  
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

5 Lengkapi Profil PSCR 2.0  
2 Lengkapi Kelulusan  
3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (MOH) yang berlaku  
4 Tanda "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"  
5 Lengkapi Maklumat

+673 7371961 | [SPABN](https://www.facebook.com/SPABN) | [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn) | [WhatsApp](https://wa.me/6737371961) | [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN) | [PSC.BN](https://www.psc.bn)

Jawatan, Tanga Gaji dan Bilangan Iklan	Urus setia Pengambilan	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PEMANDU TINGKAT I (KENDERERAN DARAT) E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) JABATAN-JABATAN KERAJAAN 2024/SEP/01/JJK	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	13 NOVEMBER 2024
2. PENGANALISA SISTEM KANAN B.3 (BAHAGIAN II) PUTUS KEBANGSAAN E-KERAJAAN, KEMENTERIAN PENGGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI 2024/OCT/02/KPI	KEMENTERIAN PENGGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	02	38(A)	13 NOVEMBER 2024

**PERINGATAN:**  
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".  
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.  
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



## JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Rujukan Sebut Harga : JKED / TAWARAN / UPP / BL / Q / 2024 - 19

Pembekalan dan Tempahan Tudung Untuk Pegawai dan Kakitangan Wanita, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 19 November 2024  
2.00 Petang



## JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran: JBBSB / SH / 2024-2025 / 56 / BSP / 01

**Tajuk Sebut Harga:**  
Tawaran Bagi Penganjuran dan Pengendalian Pesta Kikik Sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukuhan Nama Brunei Kepada Bandar Seri Begawan Kali Ke-54 Tahun Bagi Tahun 2024

**Hari, Tarikh dan Jam Tutup:**  
Khamis, 14 November 2024, Jam 2.00 Petang.



## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibuka kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**  
III (II & III) sahaja

**Kategori:**  
KA01 Sahaja – Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 012 / 2024 – (CDE).T.III

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Menaik Taraf Sistem Longkang Di Simpang 325-4, Jalan Binglu RPN Kg. Tanah Jambu

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
Selasa, 3 Disember 2024

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 24 Disember 2024, Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat, Kementerian Pembangunan

**Bil. Sebut Harga:**  
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q16

Invitation To Supply, Delivery, Configuration, Installation, Replacement, Testing And Commissioning Of Additional Wireless Access Point For Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut harga:**

BND10.00 (tidak dikembalikan)

**Tarikh Buka:**  
Sabtu, 9 November 2024

**Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:**

Khamis, 21 November 2024

**Tarikh Tutup:**  
Isnin, 25 November 2024  
Jam sebelum 9.00 Pagi



Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 079 / 2024

**Tajuk:**  
Urgent Replacement Of 11kv Switchgears And Rectification Works At MIS Sungai Bera Industry

**Tarikh Tutup:**  
19 November 2024  
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

**Harga Dokumen:**  
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**  
"Tender Box"  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**  
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3,4 atau 5 sahaja, dalam Kategori E01 dan E02 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kounter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Perhatian:**  
Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17", Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD), sijil Tabung Amanah Pekerja, "TAP Employer Contribution" dan 'Certificate of Tax Compliance' semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik



## JABATAN BURUH KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**  
PJB / 3003 / SH0005 / TK2024 - 2025  
Tawaran Pengantian dan Membekal PA Sistem Bagi Bilik Mesyuarat Jabatan Buruh

**Tarikh Tutup :**  
Rabu, 20 November 2024  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



## PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
5 / SEPTEMBER / 2024 / PSB / PD.575:

Untuk Membekal dan Memasang Papan Tanda Baharu Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Tarikh Tutup :**  
Khamis, 21 November 2024  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 061 / 2024

**Tajuk:**  
Periodic Maintenance Contract For Standby Truck And Trailer Mounted Diesel Engines And Static Diesel Generating Sets For Statewide For Three (3) Years

**Tarikh Tutup:**  
17 Disember 2024  
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

**Harga Dokumen:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**  
"Tender Box"  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**  
Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan ROCBN, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.  
Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Perhatian:**  
Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17", Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD), Sijil Tabung Amanah Pekerja, "TAP Employer Contribution" dan 'Certificate of Tax Compliance' semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Tawaran Jualan Lelong Secara Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
JPE / AMSF / AUC / 01 / 24

**Tajuk:**  
1 Lot Empty Cable Drum

**Tarikh Tutup:**  
16 November 2024  
(Sabtu, Jam 3.00 Petang)

**Harga Dokumen:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)  
Isnin - Khamis & Sabtu 8.00 - 11.30  
(sebelah pagi)  
1.30 - 3.00  
(sebelah petang)

**Dokumen Tawaran:**  
Tingkat 1,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas.  
Nombor Talian:  
+673 238700  
sambungan  
216 - Pengambilan  
borang tawaran  
3551 - Tempahan  
jadual lawatan

**Tarikh Dan Tempat Lawatan:**  
Pada hari waktu bekerja  
Isnin - Khamis & Sabtu  
9.00 - 11.00 sebelah Pagi sahaja  
Bertempat Sub-Stor Pasir Putih,  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Tanjong Maya.



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Bilangan Tawaran :**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 19 (R)

**Tajuk Tawaran :**  
Supply And Install Of Temporary Wall Hoarding And Cleaning Of Area At Old Temburong District Office, Pekan Bangar, Temburong District

**Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan :**  
Khamis,  
14 November 2024  
Jam 2.00  
Petang.

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Rujukan Sebut Harga:**  
JKED / TAWARAN / UPP / BL / Q / 2024 - 18

Pembekalan Kasut Seragam dan Safety Boots Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam Selama 16 Bulan

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
19 November 2024  
2.00  
Petang



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Rujukan Sebut Harga :**  
JKED / TAWARAN / UPP / BL / Q / 2024 - 17

Pembekalan dan Tempahan Pakaian Seragam Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam Selama 16 Bulan

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
19 November 2024  
2.00  
Petang



**PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
4 / SEPTEMBER / 2024 / PSB / PD.575:

Membekal Perkhidmatan Menambah Baik dan Menambah Nilai Galeri Pameran Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
21 November 2024  
Tidak lewat  
jam 2.00  
Petang



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Di Dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.  
BCY / CP / 185 / 2024

Baiduri Bank Sendirian Berhad  
Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

Awangku Mohammad Kamarul  
Ariffin Bin Pengiran Ramlee  
BYIC No. 00-315303  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

Notis  
Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:  
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **26 September 2024**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

Awangku Mohammad Kamarul  
Ariffin Bin Pengiran Ramlee  
No. 10, Simpang 1046,  
Kampung Tanah Jambu,  
Jalan Muara, Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:  
17 Ogos 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh:  
14 Oktober 2024

**Notis  
Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **26 September 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 11 Disember 2024 jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan

pada **11 Disember 2024 jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyal Penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh:  
14 Oktober 2024

Kes No.  
BCY / CP / 37 / 2024

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**  
Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Hj. Khairul Syazwi Bin Hj. Md. Said**  
BYIC No. 00-315078

Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis  
Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:  
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **21 September 2024**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**  
Hj Khairul Syazwi Bin Hj Md Said  
No. 98, Jalan 11,  
Kampung Perpindahan Lambak  
Kanan BC2915,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:  
2 Julai 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh:  
3 Oktober 2024

**Notis  
Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **21hb September 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 7 Januari 2021 telah dibatalkan pada 10 Oktober 2024**.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **20 Januari 2025 jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyal Penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh:  
3 Oktober 2024

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**

Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**Kes No.**  
**BCY / CP / 248 / 2013**

**Standard Chartered Bank**  
Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Siti Noor Wardaty Binti Haji Jumat**

BYIC No. 00-281017  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **27 September 2014 telah dibatalkan pada 12 Oktober 2024**.

Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Mohamad Saidun Bin Tuah**  
BYIC No. 00-293935  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis  
Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:  
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 November 2016**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

Mohamad Saidun Bin Tuah  
No. 4, Jalan 31, Simpang 93,  
Perpindahan Lambak Kanan,  
Berakas BC2915,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
20 Jun 2015

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh:**  
12 Oktober 2024

**Notis  
Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **12 November 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 28 Oktober 2024 jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **28 Oktober 2024 jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyal Penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

**Bertarikh:**  
12 Oktober 2024

**Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria**  
Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi  
B/p Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar



**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 26

**Tajuk Tawaran:**  
Customer Service  
Excellence Training for  
Hospitality  
and Tourism Industry

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
28 November 2024  
Jam 2.00 Petang



Dibuka Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
V & VI sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Tarikh Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
23 Oktober 2024.

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Tidak lewat Selasa,  
5 November 2024,  
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
12 November 2024.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / BBA 03 / 2024

**Nama Projek:**  
Melapis Semula Jalan Aspal Di  
Jambatan Sultan Haji Omar Ali  
Saifuddien (SHOAS)

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)



# جوالن سالینان كمبـر ۲ دیڪـيـتـل

## JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



### HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.  
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan  
satu keping cd adalah BND21.  
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

### TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima  
pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

### JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam  
[laman galeri Infofoto \(www.infofoto.gov.bn\)](http://www.infofoto.gov.bn)  
dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil  
oleh warga Jabatan Penerangan.

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400  
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg  
Sabtu  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

# PROGRAM SUA MUKA PLATFORM SAMPAIKAN DASAR KERAJAAN



JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Cawangan Daerah semasa mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Sungai Liang, Mukim Liang, Daerah Belait.

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**  
**Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman**

BELAIT, Khamis, 7 November. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Cawangan Daerah, hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Sungai Liang, Mukim Liang, Daerah Belait bertempat di Balai Raya Kampung Sungai Liang, Mukim Liang.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Ketua

Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lida, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkin, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang

dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membagikan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan alam sekitar, prasarana dan kemudahan awam serta hal-hal lain.

Turut hadir menyampaikan maklumat kepada penduduk-penduduk kampung pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Daerah Belait.

# PUISI

## Sedulang Anugerah

Pagi yang cerah,  
suasana yang indah,  
sinar mentari pagi kemilau menyinari buana,  
di Dewan Persidangan Antarabangsa  
seorang insan dalam usia lebih lapan dasawarsa,  
menerima sedulang anugerah bernama **Guru Berjasa**,  
kurnia dari tonggak dan mahkota negara.

Itulah petanda, bahawa segala usaha dan jerih payah  
guru dan para pendidik,  
tidak kira guru pelajaran umum atau sekular,  
guru pelajaran agama atau teknikal,  
semuanya telah dinilai dan dihargai;  
suatu petanda bahawa kalangan guru  
telah diiktiraf berbakti mendidik anak bangsa,  
bahawa kaum guru telah berjasa  
mencorak landskap pendidikan  
generasi masa lalu, masa kini dan mendatang,  
dengan mengukir warna pelangi  
yang merentang di angkasa Brunei Darussalam;  
mencorak generasi yang berilmu dan beriman,  
berlandaskan falsafah MIB  
menjadi tapak pembangunan bangsa.

Jasa bakti para guru,  
persis arkitek yang membina sebuah rumah gedang,  
yang atapnya syahadah, dindingnya zikrullah  
dan lantainya solat lima waktu,  
yang penghuninya sentiasa mendapat  
perlindungan dan rahmat Allah Azzawajalla,  
yang hidup aman sejahtera  
hingga ke hari kandila...

**Mahmudamit,**  
Pusat Persidangan Antarabangsa,  
Khamis, 3 Oktober 2024.

## Taklimat memperkuuh semangat patriotik pelajar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 November. - Sekolah St. George's, Bandar Seri Begawan menjadi tumpuan bagi Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, hari ini.

Taklimat dihadiri oleh Pengetua Sekolah berkenaan, Awang Janidi bin Jingan dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan dan juga seramai 40 pelajar yang terdiri daripada Tahun 7.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Khairuddin Shah bin Haji Abdul Halim (atas kanan), manakala gambar atas kiri, antara pelajar yang menjawab Kuiz Kenegaraan. Sementara gambar bawah kanan, para pelajar mendengarkan taklimat.

Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar.



# Sembahyang Sunat Hajat persediaan Peperiksaan SSSRU



**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**



MAJLIS Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi menghadapi Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) di Masjid Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop (atas dan atas kanan).

SERUSOP, Khamis, 7 November. - Bagi memohon inayah dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping melaksanakan persediaan-persediaan dalam menghadapi Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) pada bulan November ini, Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-sekolah Ugama (JKPSSU) Kawasan Brunei IIA petang tadi mengadakan

Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi menghadapi Peperiksaan SSSRU di Masjid Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop.

Majlis yang dihadiri oleh para ibu bapa dan penjaga murid-murid Darjah VI Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei IIA tersebut dimulakan dengan mendirikan Sembahyang Sunat Hajat

Berjemaah dan diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas agar murid-murid dipermudahkan dalam menghadapi peperiksaan itu nanti serta beroleh kejayaan yang cemerlang.

Murid-murid Darjah VI sekolah ugama seluruh negara akan menghadapi Peperiksaan SSSRU yang dijadualkan bermula pada 11 hingga 25 November ini.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

**PenggunaBijak**



# TANAMKAN BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SEKITAR Pesta Buku Brunei 2024 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (atas dan bawah).



BERAKAS, Rabu, 6 November. - Pesta Buku Brunei 2024 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, bermula 2 November lepas mendapat sambutan yang meriah daripada orang ramai terutama para pencinta buku.

Penulis Penyelidik dari Qasrun Nafis Publishing House (QNPH), Nur 'Aqilah binti Kamaluddin mengalu-alukan orang ramai untuk datang berkunjung ke Pesta Buku berkenaan bagi menyokong para peserta vendor dan juga karya-karya penulis tempatan yang banyak dijual pada pesta buku itu.

"Acara ini memberi peluang kepada para penggemar buku untuk mencari lebih banyak buku di bawah satu bumbung dan juga menanamkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat tempatan," katanya kepada Pelita Brunei.

JURUJUAL  
DBookHaus, Lina Amizah binti Isa.



PENULIS Penyelidik dari Qasrun Nafis Publishing House (QNPH), Nur 'Aqilah binti Kamaluddin.

Menurutnya, QNPH adalah syarikat penerbitan tempatan yang menerbitkan buku-buku yang dihasilkan oleh para penulis tanah air.

"Buku-buku yang kami terbitkan dapat diperoleh daripada beberapa kedai buku di negara ini tetapi di Pesta Buku ini kami menawarkan harga yang jauh lebih murah dengan diskain sehingga 50 peratus."



"Selain itu, kami juga menjual buku cari kata edisi Brunei dengan harga BND1 sahaja dan orang ramai boleh mendapatkan buku terbitan kami yang belum dijual di kedai buku di pesta buku ini," katanya.

Beliau turut menzahirkan rasa

syukur kerana sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan sepanjang lima hari Pesta Buku tersebut berlangsung.

"Buku yang sering menjadi tumpuan pengunjung ke reruai kami adalah buku cerita paranormal dan kisah seram serta sejarah dan asal-usul Brunei," katanya.

Sementara itu, Jurujual DBookHaus, Lina Amizah binti Isa berkata, sambutan orang ramai yang datang berkunjung ke reruai mereka juga amat menggalakkan dengan kebanyakan pengunjung terdiri daripada golongan dewasa.

"Kebanyakan buku yang kami jual berunsurkan Islam sama ada dalam bahasa Melayu dan Inggeris, namun buku yang paling popular adalah dalam bahasa Melayu."

"Selalunya para pengunjung berminat membeli buku genre tersebut kerana ingin meningkatkan lagi ilmu pengetahuan mereka mengenai Islam dan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam," katanya.

Beliau berharap agar masyarakat di negara ini terutama para belia dapat memupuk amalan membaca terutama buku fizikal walaupun penggunaan teknologi semakin berleluasa.

Beliau juga mengalu-alukan orang ramai untuk mengunjungi kedai DBookHaus di The Mall Gadong, Tingkat 1 bagi mendapatkan lebih banyak pilihan buku.

# BENGKEL FOKUSKAN KESELAMATAN TEMPAT KERJA

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam



**TUNGKU LINK**, Jumaat, 8 November. - Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L), Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Bengkel Occupational Hygiene and Occupational Toxicology sebagai acara kemuncak Hari Terbuka C3L dan Festival Pembelajaran Sepanjang 2024, baru-baru ini.

Seramai 20 peserta terdiri daripada Brunei Shell Petroleum, Brunei Liquified Natural Gas (BLNG), Kementerian Kesihatan,

Kementerian Pendidikan, Pihak Berkuasa Kebangsaan bagi Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), UBD dan institusi yang lain hadir semasa bengkel tersebut.

Bengkel tersebut telah disampaikan oleh dua penceramah terhormat iaitu Profesor Dr. Orawan Kaweboonchoo dari Mahidol University, Thailand dan Profesor Dr. Anamai Thetkathuek dari Burapha University, Thailand. Para



PUSAT Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L), Universiti Brunei Darussalam (UBD) ketika menganjurkan Bengkel Occupational Hygiene and Occupational Toxicology (atas dan kiri).

peserta mendapat manfaat daripada pandangan pakar dan amalan terkini dalam kesihatan pekerjaan.

Bengkel yang diadakan selama dua hari tersebut memfokuskan keselamatan tempat kerja global, bertujuan untuk menangani daptan Pertubuhan Buruh Antarabangsa, mendedahkan sebanyak dua juta kematian berkaitan dengan kerja, 270 juta

kemalangan dan 160 juta penyakit berkaitan pekerjaan setiap tahun.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kemahiran semula profesional dalam kesihatan dan keselamatan pekerjaan, memfokuskan pada kebersihan dan toksikologi pekerjaan untuk menghadapi bahaya tempat kerja dan mengurangkan risiko kesihatan.

Bengkel ini menawarkan kuliah

dinamik, kajian kes, perbincangan kumpulan dan latihan praktikal untuk menggabungkan teori dengan pemahaman praktikal.

Dengan adanya bengkel ini para peserta memperoleh kemahiran praktikal untuk menjalankan penilaian kebersihan pekerjaan dan menilai bahaya kesihatan, melengkapkan mereka untuk meningkatkan standard kesihatan di tempat kerja.

## Bersama membantu, membanteras rasuah

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Infografik : Biro Mencegah Rasuah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 8 November. - Bersempena dengan Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa, Biro Mencegah Rasuah (BMR) sedang menganjurkan Peraduan Video Pendek Anti Rasuah 2024 dengan membawakan

'Bersatu Membanteras Rasuah'. Sehubungan itu, orang ramai adalah dipelawa untuk menyertai peraduan ini sekali gus menyerlahkan lagi kreativiti awda dalam sama-sama membantu dan membanteras rasuah khususnya di Negara Brunei Darussalam.

Biro Mencegah Rasuah | Brunei Darussalam

**PERADUAN VIDEO PENDEK ANTI RASUAH 2024**

**"Bersatu Membanteras Rasuah!"**

Serlahkan bakat awda dalam membanteras rasuah dengan menyertai Peraduan Video Pendek Anti Rasuah

**HADIAH UNTUK DIMENANGI:**

**TEMPAT PERTAMA - B\$2,000.00**

Tempat Ke-dua- B\$1,500.00  
Tempat Ke-tiga - B\$1,000.00  
3x Hadiah Saguhati bernilai B\$700.00

**TARIKH TUTUP UNTUK PENYERTAAN:**  
30 November 2024 @ 3.00 Ptg

Imbas kod QR untuk maklumat lanjut mengenai peraduan & pendaftaran!

Untuk keterangan lanjut:

+673 7146797 shortvideo@acb.gov.bn www.acb.gov.bn

Penyertaan adalah dibuka kepada orang ramai secara individu atau berkumpulan sehingga Sabtu, 30 November 2024, pukul 3.00 petang. Bagi yang berminat untuk ikut serta, awda boleh mengimbas Kod QR yang disediakan pada infografik di mana Kod QR tersebut juga disediakan syarat-syarat peraduan dan seterusnya borang penyertaan.

Orang ramai yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai peraduan ini, awda boleh menghubungi +673 7146767 atau melalui e-mel shortvideo@acb.gov.bn bagi sebarang pertanyaan. Maklumat peraduan juga boleh didapati di

laman sesawang BMR di [www.acb.gov.bn](http://www.acb.gov.bn).

Peraduan Video Pendek Anti Rasuah 2024 menawarkan hadiah menarik untuk dimenangi iaitu tempat pertama, awda berpeluang memenangi hadiah sebanyak BND2,000 manakala tempat kedua, sebanyak BND1,500 dan tempat ketiga, sebanyak BND1,000. Selain itu, hadiah sagu hati juga diberikan kepada tiga peserta yang bernilai BND700.

Sebagaimana yang diketahui, rasuah ialah penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan

yang berkaitan dengan tugas rasmi.

Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskau. Sebagai contoh, seorang kontraktor telah menghadiahkan seutas jam tangan kepada seorang pegawai kerajaan kerana telah meluluskan projek kepada syarikat milik kontraktor berkenaan dan sebagainya.

Adalah menjadi satu kesalahan bagi menerima, memberi dan menawarkan rasuah di mana ia adalah satu kesalahan di bawah Bab 5(b) dan Bab 6(b), Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131) di mana jika sabit kesalahan, hukuman adalah denda sebanyak BND30,000 dan penjara tujuh tahun.

**MINDA PEMBACA**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Jadikan Kerja Sebagai Ibadah'. Tarikh Tutup : 13 November 2024
2. 'Manfaatkan Hobi Dalam Menjana Pendapatan'. Tarikh Tutup : 20 November 2024
3. 'Tingkatkan Ekonomi Menerusi Bidang Pertanian'. Tarikh Tutup : 27 November 2024

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# PENERBANGAN SULUNG DARI CHENNAI, INDIA SELAMAT TIBA DI NBD

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohammad Hasif Matzin



**SALAH** seorang penumpang pertama dari Chennai, India, Scott Stofel yang merupakan warganegara Amerika Syarikat.

**BERAKAS**, Rabu, 6 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mengalu-alukan kedatangan para penumpang dari penerbangan sulung Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) dari Chennai, India ke Bandar Seri Begawan (BSB), pagi tadi diraikan dengan sambutan kebudayaan yang meriah di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini.

Acara ini menandakan kejayaan baharu dalam mengukuhkan hubungan dua hala antara Brunei dan India, mempamerkan potensi yang semakin meningkat untuk perjalanan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Hadir pada Majlis Resepsi itu ialah wakil dari Jabatan

Kemajuan Pelancongan dan RB, bersama-sama ahli media.

Sehubungan itu, pihak media pagi tadi berpeluang untuk menemu bual salah seorang penumpang pertama dari Chennai, India, Scott Stofel yang merupakan warganegara Amerika Syarikat.

Beliau menjelaskan ia adalah penerbangan yang hebat dan menyenangkan, RB mempunyai kualiti pesawat yang bagus dan makanan yang dihidangkan juga sangat sedap.

"Tentunya, kami terkejut kerana kami akan menaiki penerbangan pertama, jadi di Lapangan Terbang Chennai, RB mengadakan upacara memotong kek dan kami diberikan sepotong kek berkenaan," tambahnya lagi.

India secara konsisten menjadi salah satu daripada 10 pasaran sumber utama NBD untuk ketibaan pelancongan melalui udara.

Sehingga Jun 2024, NBD telah pun mengalu-alukan 4,398 pelancong dari India, peningkatan ketara yang mele过asi jumlah ketibaan 3,555 yang dicatatkan untuk 2023.

Peningkatan ketara ini mencerminkan tarikan Brunei sebagai destinasi unik untuk pengembala India, dengan warisan budaya yang kaya, landskap semula jadi dan pengembalaan yang menarik.

Penerbangan



**NEGARA** Brunei Darussalam mengalu-alukan kedatangan para penumpang dari penerbangan sulung Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dari Chennai, India ke Bandar Seri Begawan.

terus dari Chennai dijangka mengukuhkan lagi trend menaik ini, menyediakan pilihan perjalanan yang lebih mudah dan menggalakkan lebih ramai pelawat dari India pada masa akan datang.

Jabatan berharap dapat bekerjasama dalam promosi

bersama, kempen pemasaran, dan inisiatif lain dengan pihak berkepentingan untuk menarik lebih ramai pengunjung ke negara ini.

Dengan peningkatan jumlah pelancong yang melancong antara NBD dan India, diharapkan trend ini akan menyokong

pembangunan laluan tambahan pada masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan tawaran pelancongan Brunei, layari laman sesawang rasmi Pelancongan Brunei di [www.bruneitourism.com](http://www.bruneitourism.com) atau [@info.bruneitourism](https://@info.bruneitourism) di Instagram.

## 57 pain darah berjaya dikumpulkan



**ANTARA** yang menyertai Kempen Derma Darah yang diadakan di Bangunan Pentadbiran, Pulau Muara Besar (atas dan bawah kiri).

**Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sendirian Berhad**

**MUARA**, Khamis, 7 November. - Kira-kira 57 kakitangan dan pengurusan Hengyi Industries

Sendirian Berhad (Hengyi Industries) telah menyertai Kempen Derma Darah

yang diadakan di Bangunan Pentadbiran, Pulau Muara Besar (PMB), hari ini.

Kempen Derma Darah anjuran Hengyi Industries dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) itu merupakan kali ke-6 ia diadakan.

Sebanyak 57 pain darah telah berjaya dikumpulkan dan akan digunakan untuk membantu meningkatkan stok bekalan bank darah di Negara Brunei Darussalam.

Di bawah inisiatif Hengyi Cares, kempen tersebut adalah sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Hengyi Industries sejak tahun 2019 untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menderma darah dengan niat

## TID ROLLOVER pada 24 November 2024

**APA** kah TID ROLLOVER ini?

Tetapan semula sistem yang berlaku di seluruh dunia pada 24 November 2024.

Meter prabayar yang ada pada masa ini akan menolak token yang dijana selepas tarikh ini disebabkan kaunter dalaman mencapai hadnya.



**SIAPA** kah yang terjejas akibat TID ROLLOVER ini?

Pelanggan yang menggunakan meter STS (token) seluruh dunia iaitu seperti meter berjenama STAR, INHE dan PLESSEY.



**KENAPA** kah penukaran meter perlu dilakukan?

Meter berjenama STAR, INHE dan PLESSEY dimestikan untuk ditukar kepada Meter Pintar kerana Sistem Meter Pintar (USMS) tidak berdasarkan sistem token.

**APA** kah yang perlu dilakukan jika jenama meter saya STAR, INHE & PLESSEY?

Berikan kerjasama kepada pihak yang berkenaan dalam menjayakan Program Kebangsaan bagi Penggantian Sistem Meter Pintar USMS

Hubungi DST Network Sdn Bhd bagi tempahan slot untuk penukaran Sistem Meter Pintar (USMS)

[www.des.gov.bn](http://www.des.gov.bn) [desbrunei](https://desbrunei)

Talian Darussalam - 123

untuk membantu menyelamatkan nyawa serta juga membantu menyebarkan kesedaran tentang kepentingan dan faedah menderma darah.

Hengyi Industries berharap

dapat menganjurkan lebih banyak Kempen Derma Darah dan inisiatif lain di bawah Hengyi Cares untuk mengukuhkan lagi kesejahteraan masyarakat dan memupuk budaya kembali.





## BDCB perkenal syiling besi bersalut 'mono-ply'

Oleh : Brunei Darussalam Central Bank dengan kerjasama  
Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

Foto : Jabatan Penerangan

**B**ARU-baru ini, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) akan mengeluarkan duit syiling edaran besi bersalut *'mono-ply'* berbanding dengan duit syiling edaran pada masa ini yang diperbuat daripada logam *homogenous kupronikel*. Pengenalan besi bersalut *'mono-ply'* ini merupakan salah satu usaha BDCB untuk membantu melindungi alam sekitar.

Berikut antara soalan dan jawapan untuk penerangan yang lebih jelas bagi orang ramai :

**S : Apakah besi bersalut *'mono-ply'*?**

J : Besi bersalut *'mono-ply'* merupakan besi yang disalut dengan lapisan logam menggunakan teknologi salutan (*plating*) yang akan memastikan kedayaahanan, kekuahan dan keselamatan duit syiling tersebut.

Ketebalan lapisan *'mono-ply'* adalah antara 15 dan 30 mikron, tertakluk kepada jangka hayat yang ditentukan pada duit syiling berkenaan.

**S : Bilakah duit syiling baharu tersebut akan diedarkan?**

J : Duit syiling tersebut akan mula diedarkan sekitar bulan November tahun ini.

**S : Mengapakah BDCB menukar logam duit syiling edaran daripada *kupronikel* ke besi bersalut *'mono-ply'*?**

J : Besi bersalut *'mono-ply'* mempunyai kedayaahanan dan kualiti tinggi yang kelihatan cerah dan berkilat serta memaparkan reka bentuk yang jelas. Orang ramai mungkin boleh mengenal pasti nanti peningkatan terhadap kualiti duit syiling edaran Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, besi bersalut *'mono-ply'* mempunyai teknologi salutan (*plating*) yang sangat selamat dan sukar untuk dipalsukan.

**S : Apakah perbezaan antara duit syiling edaran sekarang (*kupronikel*) dengan duit syiling edaran besi bersalut *'mono-ply'*?**

J : Ciri duit syiling edaran besi bersalut *'mono-ply'* akan kelihatan cerah dan berkilat. Duit syiling edaran ini juga mempunyai ciri yang dapat melekat kepada magnet disebabkan pembuatannya daripada besi. Seterusnya, besi bersalut *'mono-ply'* ini juga boleh dikitar semula pada akhir hayatnya.

Reka bentuk, saiz dan berat duit syiling baharu ini adalah sama seperti duit syiling yang ada dalam edaran pada masa ini.

**S : Adakah duit syiling dalam edaran pada masa ini perlu dikembalikan kepada bank atau BDCB?**

J : Tidak. Orang ramai tidak perlu mengembalikan duit syiling dalam edaran

yang digunakan pada masa ini ke bank atau BDCB.

*mono-ply*.

**S : Bagaimana tempoh peralihan antara syiling lama dan syiling baharu akan diuruskan?**

J : Syiling edaran lama dan baharu akan digunakan bersama-sama kerana syiling lama masih sah diperlakukan.

Mana-mana syiling, sama ada lama atau baharu, akan kembali ke dalam edaran lagi ia masih sesuai untuk edaran. Selepas tempoh masa yang sesuai, semua syiling edaran yang dikeluarkan oleh BDCB akan menggunakan besi salutan *'mono-ply'*.

**S : Adakah sifat magnet syiling baharu akan mempengaruhi peranti elektronik atau kad kredit?**

J : Tidak. Ia hanya mempunyai ciri magnet, yang membuatnya menarik magnet.


**S : Adakah sifat magnet syiling baharu akan mempengaruhi mesin jualan dan sistem beroperasi syiling yang sedia ada?**

J : Tidak. Ia tidak akan mempengaruhi mesin jualan dan sistem beroperasi syiling yang sedia ada.

**S : Adakah sifat magnet syiling baharu akan mempengaruhi keserasian dengan mesin pengisian dan pengiraan syiling yang digunakan oleh bank dan perniagaan?**

J : Tidak. Ia tidak akan mempengaruhi keserasian dengan mesin pengisian dan pengiraan duit syiling yang digunakan oleh bank dan perniagaan.





**L**ARIAN maraton adalah hobi yang bukan sahaja menuntut kecergasan fizikal tetapi juga membentuk karakter dan mentaliti yang kuat.

Dengan persediaan yang betul dan sikap yang positif, sesiapa sahaja boleh menikmati pengalaman berlari maraton dan meraih manfaat yang tidak ternilai. Jadi, jika awda sedang mencari

hobi yang sihat dan berfaedah, mengapa tidak mencuba larian maraton?

Inilah yang membuat Dr. Sarah Hanaa binti Haji Ahmad Ghazali, peminat larian maraton, berumur 33 tahun dan bertugas sebagai pensyarah di Universiti Brunei Darussalam, memupuk minatnya untuk menyertai banyak acara larian sejak beliau berusia 20

tahun.

Beliau merupakan anak sulung daripada enam orang adik-beradik dan menetap di Kampung Bunut Perpindahan.

Menurut Dr. Sarah Hanaa dalam temu bual bersama beliau menjelaskan larian pertamanya adalah pada tahun 2011 iaitu Acara Larian Cancer Research UKRace for Life 5K, Coventry, United Kingdom.

Sehingga kini, jelasnya acara larian yang telah disertai mungkin lebih 20 acara larian dan acara larian terkini adalah Chicago Marathon, di Chicago, United States of America.

Menurut Dr. Sarah Hanaa, beliau tidak berlari untuk kelajuan atau catatan rekod peribadi kerana mengikut taraf larian, beliau hanya pelari biasa seperti pelari-pelari yang minat berlari.

Beliau mula berlari semasa berada di United Kingdom ketika melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana Muda, kemudian Ijazah Sarjana dan seterusnya Doktor Falsafah, sebagai salah satu cara untuk melepaskan tekanan setelah sehari-hari belajar.

Berlari dan bersukan di United Kingdom jelasnya, menjadi rutin harianya selepas sehari-hari belajar dan melakukan pekerjaan.

Selepas beberapa tahun berlari sejauh 5 kilometer dan mengelilingi taman di Coventry,

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ihsan Dr. Sarah Hanaa Haji Ahmad Ghazali

dan kemudian di London, beliau mendapat tahu tentang London Marathon.

"Saya fikir ia akan menjadi matlamat yang menyeronokkan dan ketika itulah saya mula berlatih dengan gigih untuk larian 10 kilometer, separuh maraton dan seterusnya membina daya tahan untuk larian maraton penuh. Perasaan saya setiap kali selepas menamatkan larian sungguh teruja sekali gus dan sedikit terkilan kerana latihan larian telah berakhir. Walau bagaimanapun, saya terus mencari acara larian seterusnya untuk disertai bagi menjalani latihan larian seperti biasanya," ujarnya.

Rekod peribadi beliau sangat sederhana dan tiada yang luar biasa iaitu 6:33:10 untuk catatan rekod peribadinya semasa larian maraton kedua dan terbaru di Chicago tetapi beliau berasa pencapaian terbaik adalah berlari selama 13 tahun tanpa kecederaan.

Menyentuh mengenai reaksi keluarganya semasa mula berlari, beliau menyatakan keluarganya sentiasa memberikan sokongan dan dorongan, walaupun pada awalnya seperti tidak masuk akal.

Katanya, beliau sentiasa mendapat sokongan ketika

mengembara sendirian bagi menyertai acara larian di luar negara dan berharap dirinya dapat membanggakan mereka.

Selain berlari tambahnya, beliau juga suka bermain bola jaring dan baru-baru ini juga mula bermain badminton bersama keluarga dan rakan-rakan, selain suka membaca buku, menonton televisyen dan melancong.

Antara pengalaman manis beliau selama menjadi pelari ialah berpeluang mengembara ke tempat-tempat baharu semasa berlari dan pengalaman pahit adalah menyertai larian maraton kerana ia memang susah.

Beliau juga menjelaskan ada masanya semasa larian maraton di mana dirinya akan berasa sakit tetapi berbaloi dan memuaskan setelah berjaya menamatkan larian tersebut.

Untuk para belia di luar sana, Dr. Sarah Hanaa ingin memberikan sedikit kata-kata nasihat dan semangat untuk terus percaya diri dan jangan pernah mengalah.

"Mustahil bagi seseorang untuk menjadi mahir dalam sesuatu hal pada detik permulaan, jadi teruskanlah usaha dan awda akan melihat sejauh mana pencapaian awda dalam jangka masa panjang," tambahnya.

## Luaskan pengalaman dengan larian



### Kehadiran 'night market' di era baharu menjadi tumpuan masyarakat

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland, ihsan TSS & TG Event Management

**D**i Negara Brunei Darussalam, pasar malam (*night market*) menjadi trend yang sangat popular dan mengalami pelbagai perubahan yang menarik sejak kebelakangan ini. Kemunculan pasar malam juga sangat dinanti-nantikan dan menjadi tumpuan kepada masyarakat di negara ini. Pasar malam bukan sahaja tempat untuk membeli barang harga mampu milik atau mencuba pelbagai jenis makanan tempatan tetapi juga destinasi untuk meluangkan hujung minggu bersama keluarga atau rakan-rakan.

Biasanya, pasar malam akan mula dibuka seawal pukul 3.00 petang dan ditutup menjelang pukul 10.00 malam semasa jumlah pengunjung semakin berkurang. Terdahulu, pasar malam hanya terdapat di beberapa tempat yang telah disediakan. Kini, ia telah diadakan di banyak tempat seperti kawasan persekitaran pantai, tempat kawasan letak kereta atau kawasan yang lapang.

Kehadiran pasar malam yang menyajikan pelbagai jenis juadah makanan dan minuman ini merupakan platform terbaik untuk mempromosikan jualan peniaga-peniaga khususnya para peniaga tempatan di samping dapat mewujudkan suasana iklim perniagaan yang lebih menarik di gerai berkenaan dan sekitarnya. Dengan adanya

platform seperti ini, dapat membantu para peniaga mencari rezeki dan secara tidak langsung memberi sokongan dan dorongan untuk menaikkan ekonomi mereka. Bukan sahaja itu, ia juga menjadi satu kemudahan bagi pembeli yang tidak mempunyai cukup waktu memasak untuk mendapatkan makanan secara segera dan memenuhi selera mereka.

Bermacam jenis makanan dan minuman yang diniagakan oleh peniaga daripada pelbagai lapisan umur dan majoriti daripadanya adalah anak-anak muda atau belia. Di sini dapat kita lihat bahawa dengan adanya pasar malam, memberi peluang kepada anak muda kita untuk memulakan perniagaan mereka secara kecil-kecilan dan sekali gus dapat membantu mereka untuk menjana pendapatan lebih. Dengan sokongan ini juga, pasar malam bukan sahaja menjadi tempat jualan tetapi juga wadah bagi memperkasakan ekonomi tempatan.

Makanan *fusion* atau gabungan dua jenis masakan juga semakin popular seperti masakan barat yang disesuaikan dengan cita rasa tempatan. Beberapa contoh termasuk *popia carbonara*, *sushi* dengan perisa tempatan dan minuman seperti teh tarik dengan perisa baharu. Penjual juga semakin berani memperkenalkan makanan unik

seperti *sticky milk*, *kunaffle* dan *jacket potato* yang popular di kalangan pelanggan muda dan penggemar masakan.

Selain itu, penampilan gerai yang lebih kreatif dan *Instagrammable* memainkan peranan untuk menarik para pelanggan. Banyak peniaga kini menghias gerai mereka dengan tema dan gaya yang lebih menarik untuk menonjolkan keunikan produk mereka. Elemen penciptaan kreatif, hiasan warna-warni dan konsep bertemakan moden menjadikan gerai mereka lebih *Instagrammable* dan ini menarik lagi perhatian pelanggan muda yang gemar mengambil gambar.

Peniaga pasar malam juga kini dilihat semakin aktif menggunakan platform media sosial seperti Instagram, TikTok dan Facebook untuk mempromosikan gerai mereka. Dengan pendekatan ini, ia berjaya menarik lebih banyak pengunjung dan juga menjadi tumpuan pelancong asing yang mencari pengalaman unik di negara ini.

Pasar malam kini bukan sekadar tempat untuk membeli belah, tetapi juga menjadi tempat pertemuan bagi golongan muda. Mereka datang untuk bersantai bersama kawan-kawan, mencuba makanan baharu dan menikmati suasana malam atau bahasa yang sering digunakan oleh golongan

Generasi Z iaitu *healing*. Dengan kemudahan seperti meja dan kerusi serta dekorasi menarik, pasar malam menjadi tempat santai yang meriah dan sesuai untuk aktiviti hujung minggu.

Berkunjung ke pasar malam memberikan pengalaman berbelanja santai dengan harga yang terjangkau. Banyak keluarga yang berkunjung ke pasar malam untuk membeli juadah makanan dan minuman yang menawarkan harga murah dan ada juga yang datang untuk menikmati suasana malam. Selain itu, pasar malam juga merupakan tempat yang baik untuk melihat berbagai produk tempatan.

Kewujudan pasar malam bukan sahaja tempat untuk membeli juadah makanan tetapi juga membantu pengusaha kecil tempatan untuk memasarkan produk mereka. Selain itu, ia juga boleh menjadi salah satu tarikan utama bagi pelancong untuk mengenali juadah tempatan yang dijual di negara ini. Perlu diingat juga, para peniaga di pasar malam hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan memastikan penyediaan makanan adalah baik dan bersih agar ia bebas daripada pencemaran dan selamat untuk dinikmati oleh para pembeli.

## 24 PELAJAR PRA-VOKASIONAL SM KATOK DIRAIKAN



PARA pelajar Program Pra-Vokasional dari Sekolah Menengah Katok diraiakan dalam satu Majlis Penyampaian Sijil atas pencapaian pelajar menyempurnakan Aktiviti Pembungkusan Rempah Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd.

### Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

KATOK, Jumaat, 8 November. - Seramai 24 pelajar Program Pra-Vokasional dari Sekolah Menengah Katok telah diraiakan dalam satu Majlis Penyampaian Sijil atas pencapaian pelajar menyempurnakan Aktiviti Pembungkusan Rempah Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Unit Pendidikan

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di sekolah berkenaan ialah Pengurus Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd., Awang Haji Mohd. Nooh bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman juga sekali gus menyempurnakan penyampaian sijil kepada pelajar.

Turut hadir, Ketua Unit Pendidikan

Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Timbalan Pengetua Pentadbiran, guru-guru dan pelajar. Majlis diakhiri dengan penyerahan cenderamata kepada tetamu kehormat oleh Timbalan Pengetua Sekolah Menengah Katok, Dayang Hajah Siti binti Haji Pungut.

Sekolah Menengah Katok merupakan sekolah ketiga melaksanakan aktiviti pembungkusan rempah. Aktiviti

pembungkusan ini adalah merupakan projek kerjasama antara Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. dan Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan sejak tahun 2015 bertujuan membina kemahiran kebolehkerjaan dan menimba pengalaman kerja.

Pada ketika ini, terdapat empat buah sekolah menengah kerajaan yang terpilih melaksanakan projek

ini iaitu Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Sekolah Menengah Katok dan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Majlis Penyampaian Sijil dari Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. akan diteruskan di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah bagi pelajar Program Pra-Vokasional dan Program BTEC.

## Waspada dengan panggilan mencurigakan

### Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 November. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) ingin memberi amaran kepada orang ramai mengenai penipuan panggilan telefon yang terkini yang menyasarkan pelanggan BIBD.

Penipuan ini melibatkan pemanggil yang mendakwa dari BIBD dan meminta maklumat akaun pelanggan dengan alasan untuk mengesahkan 'transaksi mencurigakan'.

Pelanggan melaporkan menerima panggilan daripada individu yang menyamar sebagai wakil BIBD.

Pemanggil menyatakan bahawa terdapat transaksi mencurigakan pada akaun atau kad kredit pelanggan dan meminta maklumat akaun, kononnya untuk tujuan pengesahan atau

sebab-sebab lain.

BIBD menegaskan bahawa panggilan-panggilan ini adalah penipuan, dan pelanggan dinasihatkan untuk tidak memberikan maklumat sulit melalui telefon.

Sehubungan dengan itu, BIBD menyeru pelanggan untuk sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan untuk jangan sesekali mendedahkan maklumat akaun, kata laluan atau OTP awda kepada sesiapa sahaja melalui telefon atau apa jua saluran. BIBD tidak akan meminta maklumat sulit awda dengan cara ini.

Para pelanggan perlu mensahkan sebarang panggilan dengan menghubungi BIBD secara terus melalui saluran rasmi sahaja untuk memastikan awda berhubung dengan wakil yang

sah.

BIBD juga menyeru pelanggan untuk laporkan sebarang panggilan atau mesej mencurigakan kepada BIBD dengan segera untuk tindakan lanjut.

Jika pelanggan mengesyaki bahawa mereka telah menjadi mangsa penipuan ini, mereka dinasihatkan untuk membuat laporan rasmi dengan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Pelanggan juga boleh mengunjungi mana-mana cawangan BIBD untuk membuat aduan dengan menyediakan salinan laporan polis tersebut.

BIBD mengutamakan keselamatan dan privasi pelanggan serta menyeru orang ramai untuk sentiasa berwaspada terhadap penipuan sebegini. Pelanggan juga digalakkan untuk menyebarkan maklumat ini agar orang lain turut berjaga-jaga.

## Bantu kesan pesalah buruh

### Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang buruh yang dipercayai lari daripada majikan.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan PPDB di sini, laporan telah dibuat di Balai Polis Muara untuk mengesan seorang pekerja lelaki warganegara Indonesia iaitu Yana, berumur 22 tahun, dengan nombor pasport, E7603716.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat bolehlah menghubungi ke Balai Polis Muara menerusi talian +673 2770140 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



BANTU kesan seorang pekerja lelaki warganegara Indonesia iaitu Yana, berumur 22 tahun, dengan nombor pasport, E7603716.

سورهنجای فرخدمت عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



## PENTING

### SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

**BARU**

#### IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja




#### DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

**!** Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

**✓** Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.





ePaper Pelita Brunei



## PUPUK DAYA SAING, SEMANGAT KESUKANAN DALAM KALANGAN PELAJAR

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 6 November. - Sebagai sebahagian daripada aktiviti akhir tahun persekolahan, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) menganjurkan Pertandingan Catur Tahun 4, yang bertujuan untuk memupuk daya saing, semangat kesukuanan dan pembangunan kognitif dalam kalangan pelajar muda.

Pertandingan berkenaan dianjurkan oleh guru-guru Tahun 4 dan telah menarik penyertaan seramai 38 pelajar, terdiri daripada 35 lelaki dan tiga perempuan. Pertandingan berkenaan telah memperkenalkan pemikiran strategik dan kemahiran menyelesaikan masalah pelajar sepanjang tujuh pusingan.

Dengan kerjasama Persekutuan Catur Brunei (BCF), pertandingan berkenaan menampilkan format Rapid, dengan pemain diberi masa 10 minit setiap perlawanan mengikut Sistem Swiss tujuh pusingan

(seven round Swiss).

Dalam perlawanan yang begitu sengit di samping merangsang pemikiran pelajar, juara pertandingan disandang oleh Awang Hariz Hasif bin Mohd Halfiq dari Tahun 4 Earth, yang menunjukkan kemahiran taktikal dan daya tahan yang luar biasa sepanjang pertandingan.

Objektif utama acara berkenaan adalah untuk menggalakkan pembangunan kemahiran kognitif kritis seperti menyusun strategi, menyelesaikan masalah dan berfikir secara kritis, di samping memupuk nilai penting semangat kesukuanan dan permainan adil.

Acara itu juga turut menyerlahkan usaha kerjasama antara SR YSHHB dan BCF, yang menyediakan bimbingan dan sumber berharga menjelang pertandingan berkenaan.

Sokongan mereka adalah penting dalam memastikan pengalaman yang tersusun dan menyeronokkan untuk semua



SEKOLAH Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) menganjurkan Pertandingan Catur Tahun 4, yang bertujuan untuk memupuk daya saing, semangat kesukuanan dan pembangunan kognitif dalam kalangan pelajar muda.

peserta.

Dengan kejayaan berkenaan, pihak sekolah berharap dapat terus menganjurkan Pertandingan Catur Tahun 4 pada skala yang lebih besar lagi pada masa akan datang.

Matlamatnya adalah untuk menggalakkan lebih ramai pelajar meneroka dunia catur serta mengukuhkan lagi komitmen sekolah untuk menggalakkan

pertumbuhan intelek dan persaingan sihat dalam kalangan pelajar.

"Kami amat berbangga dengan melihat para pelajar kami menyahut cabaran dan memupuk semangat permainan. Letakkan dalam minda dan hati awda bahawa suatu hari nanti awda akan mewakili negara untuk bermain di tempat lain di dunia," kata Pengetua SR YSHHB,

Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi pada ucapan penutup di penghujung acara.

Pihak sekolah mengucapkan tahniah kepada semua pelajar dan pertandingan berkenaan adalah bukti bakat dan potensi para pelajar. Pihak sekolah juga tidak sabar untuk melihat bagaimana minda muda ini terus mengembangkan kemahiran strategik dan kognitif mereka.

## Engineering 'A' juara Kejohanan Badminton RTB 2024

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 6 November. – Pasukan Engineering 'A' muncul juara pada Perlawanan Peringkat Akhir Kejohanan Badminton Radio Televisyen Brunei (RTB) 2024 anjuran RTB dengan membawa pulang piala rebutan, piala iringan, pingat dan sijil yang berlangsung di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan baru-baru ini.

Sementara itu, naib juara disandang oleh Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa dan Bahagian Rancangan TV 'A' memenangi tempat ketiga, masing-masing membawa pulang piala iringan, pingat dan sijil.

Hadir selaku tetamu kehormat dan

seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan peserta ialah Awang Md. Zulkarnain bin Haji Brahim@Ahmad.

Kejohanan yang berlangsung sejak 1 November 2024 ini menyaksikan penyertaan sebanyak lapan pasukan yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan daripada semua bahagian di RTB iaitu D3P (Gabungan Bahagian Dasar & Perancangan; Bahagian Pemasaran dan Promosi; Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan); Engineering 'A' (Bahagian Perkhidmatan Teknikal); Engineering 'B' (Bahagian Siaran & Kawalan Saluran); Bahagian Rancangan

Siaran Akhbar dan Foto : Radio Televisyen Brunei

TV 'A'; Bahagian Rancangan TV 'B'; Bahagian Rancangan Radio 'A'; Bahagian Rancangan Radio 'B' dan Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa.

Pada peringkat akhir, sebanyak empat pasukan telah berjaya melayakkan diri untuk bersaing bagi merebut gelaran juara iaitu D3P, Engineering 'A', Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa dan Bahagian Rancangan TV 'A'.

Antara kategori yang dipertandingkan ialah Beregu Lelaki Terbuka 'A', Beregu

Lelaki Terbuka 'B', Beregu Veteran (45 Tahun Ke Atas), Beregu Wanita Terbuka dan Beregu Campuran.

Kejohanan ini antara lain bertujuan untuk menggalakkan para pegawai dan kakitangan di RTB untuk bergiat cergas dan aktif dalam aktiviti-aktiviti sukan di samping untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama secara berpasukan. Kejohanan ini juga diadakan untuk mengeratkan hubungan silaturahim khususnya dalam kalangan warga RTB.



SESI bergambar ramai pada Perlawanan Peringkat Akhir Kejohanan Badminton Radio Televisyen Brunei (RTB) 2024 anjuran RTB.

## Tahukah Awda

**T**AMAN Rekreasi Hutan Pulau Selirong terletak di antara Tanjung Puan dengan Pulau Kitang, Telok Brunei yang meliputi kawasan di atas tapak berkeluasan 2,566 hektar hutan bakau. Taman ini merupakan salah satu tempat ekopelancongan di negara yang dipenuhi dengan pokok kayu bakau dan pokok-pokok yang lain dan kaya dengan kehidupan binatang-binatang liar dan kehidupan laut. Taman ini hanya boleh diakses melalui bot bermotor komersial.

SUMBER : <http://forestry.gov.bn/>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

TINGKATKAN KESIHATAN, KESEJAHTERAAN KELUARGA, MASYARAKAT DAN NEGARA